

PERKEMBANGAN DAN KRISIS-KRISIS MCA

Jabatan Antropologi dan sosiologi

No. Kelas:

No Perolehan:

Tarikh: 4 APR 1987

LAW FOONG YUEN
No. Matrik: 46279

Latihan Ilmiah
Bagi Memenuhi Sebahagian Daripada
Syarat-Syarat Untuk Ijazah Sarjana
Muda Sastera

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

Sesi 1986/87

SINOPSIS

Tesis ini terdiri daripada 5 bab yang merangkumi pengenalan, sejarah, perkembangan serta krisis-krisis MCA yang pernah berlaku dan diakhiri dengan kesimpulan serta dilema MCA dengan pendapat pemimpin MCA serta penulis sendiri.

Bab I penulis memperkenalkan dari pendahuluan, tujuan dan bidang kajian, metodologi serta masalah kajian.

Bab II membincangkan sejarah dan perkembangan MCA di samping mengkaji keahlian serta organisasinya. Dalam bab ini juga penulis telah menjelaskan pencapaian MCA dalam setiap pilihanraya dan tempatan sejak tahun 1952 bersama dengan sebab dan akibatnya.

Bab III pula mengkaji segala krisis yang kecil dan besar yang pernah berlaku sejak tertubuhnya parti ini yang juga merupakan tumpuan utama tesis ini.

Seterusnya, penulis membincangkan krisis intra-parti MCA dan UMNO dengan mengambil contoh pada tahun 1959 di mana berlakunya pertentangan antara Lim Chong Eu dengan Tunku Abdul Rahman di dalam Bab IV.

Bab V merupakan kesimpulan keseluruhan tesis dan diakhiri dengan perbincangan tentang dilema dan harapan MCA dengan pendapat pemimpin-pemimpin MCA serta pandangan penulis sendiri.

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah seperti Prof. Syed Husin Ali dan Dr. Hussain Mohamed yang telah banyak membantu saya dalam menjayakan tesis ini.

Selain daripada itu, saya juga ingin mengucapkan "terima kasih" kepada Datuk Kee Yong Wee, Encil Wong Choon Wing serta Encik Phang Tong Yang, Encik Ong Tee Kiat dan Encik Lim yang sudi memberikan pendapat masing-masing tentang krisis dan masa depan MCA.

Tidak dilupakan juga kakitangan MCA di Tingkat 7, Wisma MCA yang telah banyak membantu penulis dengan menyediakan buku-buku serta majalah dan potongan akhbar yang berkaitan.

Akhirnya, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menunjukan penghargaan saya kepada ahli keluarga, kawan-kawan yang sentiasa memberikan sokongan moral dan nasihat kepada saya khasnya S.P.W.

KANDUNGAN

Page No.

	<u>Muka Surat</u>
SINOPSIS	i
PENGHARGAAN	ii
KANDUNGAN	iii
BAB I : PENGENALAN	1
BAB II : SEJARAH DAN PERKEMBANGAN MCA	7
2.1 Perikatan Antara UMNO, MCA dan MIC	11
2.2 Keahlian dan Organisasi	14
2.3 Perbincangan Tentang Pencapaian MCA Dalam Pilihanraya	21
2.3 (i) Pilihanraya 1964. Kemenangan Besar Bagi Perikatan	27
2.3 (ii) Pilihanraya 1969, MCA Sekali Lagi Mengalami Kekecewaan	29
2.3(iii) Pilihanraya 1974 - Barisan Nasional (Perikatan) Mencapai Kejayaan Yang Cemerlang	35
2.3 (iv) Pilihanraya 1978 - MCA Dikalahkan oleh Isu-Isu Kepentingan Masyarakat Cina	38
2.3 (v) Pilihanraya Umum 1982 - MCA "Break Through" Mengalahkan "Roket" DAP	42
2.3 (vi) Pilihanraya 1986 - Sekali Lagi MCA Dikecewakan	44

BAB III :	KRISIS-KRISIS INTRA-PARTI MCA	47
	3.1 Konflik Antara Lim Keng Yaik dan Tan Siew Sin	47
	3.2 Krisis Dalam MCA Tahun 1970an - Michael Chen Melawan Lee San Choon	53
	3.3 Krisis Dalam MCA Tahun 1980an - Tan Koon Swan Berjaya Mengalahkan Neo Yee Pan	61
BAB IV :	INTRA-PARTI DAN INTER-PARTI KRISIS MCA - UMNO PADA MASA LIM CHONG EU	84
BAB V :	DILEMA MCA DAN KESIMPULAN	85
	BIBLIOGRAFI	92

BAB I

PENGENALAN

Bidang Kajian

MCA dikatakan sebagai sebuah parti politik yang berusaha untuk menjaga kepentingan dan kebajikan kaum Cina di negara ini. Ia telah ditubuhkan pada tahun 1949. Semenjak itu, parti ini telah mengalami berbagai masalah dan pergolakan. Ini menarik minat pengkaji untuk mengkaji asal usul masalah serta pergolakan tersebut.

Begitu banyak konflik dan krisis pernah berlaku dalam MCA yang membawa berbagai kesan kepada parti itu sendiri. Pengkaji ingin mengetahui sebab-sebab di sebalik krisis-krisis yang berlaku dalam MCA. Adakah ini disebabkan oleh sifat manusia yang suka merebut-rebut ataupun ketidakadilan dalam parti ataupun politik memang merupakan pertentangan dan perebutan antara manusia yang terlibat dalamnya oleh itu, pengkaji akan menumpukan perhatian dalam krisis-krisis yang telah berlaku dalam MCA.

Sebagai sebuah parti politik, keputusannya dalam pilihanraya adalah sangat penting. Oleh itu, tesis ini juga akan membincangkan kedudukan MCA dalam setiap pilihanraya sejak tahun 1952. Dalam kesemua pilihan ini MCA pernah mengalami kegagalan di samping menikmati kejayaan. Kegagalan dan kejayaan MCA dalam tiap-tiap pilihanraya ini akan dijelaskan dengan sebab-sebabnya.

Perhubungan MCA dengan pertubuhan Cina seperti Dewan Perdagangan Cina, Kesatuan Guru-Guru Sekolah Cina Bersatu dan sebagainya juga akan diberi perhatian di samping pertandingan yang dihadapi oleh MCA akibat terdapatnya beberapa parti politik Cina seperti Gerakan, DAP dan sebagainya.

Tujuan Kajian

Sebagai permulaan, pengkaji ingin mengetahui perhubungan antara parti MCA dengan komuniti Cina di bawah pimpinan berbagai pertubuhan dan parti politik yang bergantung kepada sokongan kaum Cina. Oleh itu hubungan antara MCA dengan komuniti Cina adalah amat penting dalam menentukan kedudukan politik partinya dalam negara ini. Perhubungan antara MCA dengan parti komponen Barisan Nasional seperti UMNO dan Gerakan juga akan diulaskan dengan sepintas lalu dari masa ke masa.

MCA merupakan sebuah parti politik yang kedua besarnya di negara ini yang pernah dipimpin oleh beberapa orang presiden. Banyak konflik yang kecil dan besar telah berlaku sejak pertubuhan pada tahun 1949 yang menyebabkan pertukaran pemimpin serta perubahan dalam parti ini. Maka adalah wajar bagi pengkaji untuk menerangkan sebab-sebab berlakunya konflik dalam parti serta perubahan dan pengaruh yang ditinggalkan oleh kesemua konflik ini. Ciri-ciri serta ideologi yang digunakan oleh golongan pencabar yang menimbulkan konflik dalam parti juga akan diberi keterangan dalam tesis ini.

Disebabkan terdapatnya beberapa parti politik yang berpandukan sokongan dari masyarakat Cina, maka MCA tidak dapat lari dari bertanding dengan mereka untuk meluaskan pengaruhnya demi kedudukannya dalam kerajaan dan politik negara. Maka dilema yang dihadapi oleh MCA pada generasi ini serta masa depannya sebagai satu parti yang mewakili kaum Cina akan dibincangkan dalam bahagian akhir penulisan ini.

Metodologi

Setiap penyelidikan memerlukan kaedah yang sesuai untuk memastikan kejayaannya. Kaedah yang berlainan boleh digunakan dalam bidang penyelidikan yang berbeza. Walaupun begitu beberapa jenis kaedah penyelidikan perlu digunakan untuk menentukan kejituan dan ketepatan maklumat yang didapati nanti. Dalam usaha mengumpul maklumat, penulis telah menggunakan dua jenis kaedah yang biasa digunakan dalam penyelidikan iaitu pengumpulan maklumat dan data dari buku, majalah, kertas kerja serta minit mesyuarat yang terdapat di Wisma MCA. Cara yang kedua digunakan ialah temubual dengan pemimpin-pemimpin kebangsaan MCA di samping mengadakan perbualan secara tidak formal dengan kakitangan di Wisma MCA.

Selama lebih kurang dua puluh hari di Wisma MCA penulis dapat mengumpul serba sedikit daripada maklumat yang diperlukan. Di samping itu penulis juga melakukan pengumpulan maklumat dalam Perpustakaan Universiti serta pemotongan akhbar dan majalah untuk

menambahkan maklumat yang diperlukan.

Masalah Kajian

Penulis mengalami berbagai masalah terutamanya kekurangan maklumat yang berkait dalam bahasa Malaysia dan Inggeris. Kebanyakan maklumat yang diperlukan diperolehi dari majalah dan akhbar harian Cina. Antaranya telah berusia lebih dari 10 tahun. Keadaan yang sama juga dengan buku rujukan yang digunakan oleh penulis juga ditulis dalam bahasa Cina di mana penulis perlu menterjemahkannya dalam bahasa.

Oleh kerana penyimpanan buku rujukan di Wisma MCA tidak mencukupi penulis perlu meminjam dari berbagai pihak atau kawan. Ini memakan masa yang panjang.

Selain daripada itu penulis juga menghadapi masalah untuk bertemu dengan pemimpin-pemimpin kebangsaan MCA kerana kesibukan masing-masing. Akhirnya penulis hanya mampu bertemu dengan Datuk Kee (Ketua Pemuda MCA) dan Encik Wong Chong Wing (Setiausaha organisasi) di peringkat kebangsaan. Walaupun dengan maklumat yang agak kekurangan, penulis harap dapat menghasil sebuah tesis yang sederhana.

Konflik Intra Parti dan Inter Parti MCA

MCA pernah disifatkan sebagai sebuah tandas, walaupun dicuci selalu, masih mengeluarkan bau busuk. Dengan lain perkataan,

MCA membayangkan masyarakat Cina yang tidak dapat melepaskan diri dari pengaruh buruk kebudayaan kongsi-kongsi gelap. Ataupun boleh dikatakan sifat orang Cina memang suka melawan. Ini boleh ditunjukkan dengan contoh-contoh dalam tanah besar China sejak beberapa ribu tahun yang lalu.

Sifat buruk ini dibawa masuk ke dalam semua pertubuhan, oleh itu adalah tidak menghairankan bahawa selalu berlaku konflik dan pertentangan dalam pertubuhan dan parti politik Cina termasuk MCA sekali. MCA sejak pertubuhannya pada tahun 1949, telah menjalani berbagai konflik dan krisis dalam parti sendiri.

Sebagai parti yang kedua besar dalam kerajaan di Semenanjung, kedudukan Presiden MCA ini diminati oleh ramai orang yang inginkan kuasa dan kekayaan. Sifat marusia yang hanya mengutamakan kepentingan sendiri menyebabkan Presiden MCA berkonflik dengan pembantu-pembantunya. Oleh itu konflik yang tidak berhenti-henti berlaku di dalam MCA malahan DAP, Gerakan dan UMNO walaupun tidak segiat MCA.

Pada peringkat pertubuhan Tan Chong Lock sebagai Presiden MCA dipercayai tidak mesra dengan Henry Lee. Ini telah menyebabkan Henry Lee menyokong Lim Chong Eu secara sulit dalam pertandingan untuk merebut jawatan Presiden MCA pada tahun 1958. Lim Chong Tzu yang berjaya merebut kuasa dari Tan Cheng Lock akhirnya kalah di tangan Tan Siew Sin (anak Cheng Lock). Kemudian berlaku pula kes "reformis" di bawah pimpinan Lim Keng Yaik yang ingin merebut

kuasa dari Tan Siew Sin tetapi tidak berjaya pada tahun 1973.

Dalam zaman pemerintah Lee San Choon, beliau berjaya mempertahankan kedudukannya sebagai Presiden MCA pada tahun 1979 dengan mengalahkan kawan ketatnya Michael Chen. Dua tiga tahun yang lalu, satu golongan pemimpin baru MCA yang diketuai oleh Tan Koon Swan berjaya merebut kuasa dari puak Neo Yee Pan (Pemangku Presiden - pilihan San Choon sendiri pada tahun 1983).

Konflik inter parti MCA yang melibatkan UMNO pula berlaku pada tahun 1959, apabila Lim Chong Eu meminta supaya diperuntukkan lebih kerusi daripada apa yang dipersetujui oleh pemimpin-pemimpin UMNO. Kemudian kedua rakan parti ini berkonflik lagi selepas kekalahan teruk MCA dalam pilihanraya 1969. Baru-baru ini sebahagian pemimpin dari kedua parti pula mengkritik satu sama lain atas isu kaum pendatang dan Bumiputera.

Selain daripada itu, pertentangan antara MCA dengan pertubuhan Cina terutama Jawatankuasa Pengerusi Sekolah Cina Bersatu tidak pernah berhenti sejak tahun 50an. Walaupun begitu, penulis akan bertumpu kepada konflik yang berlaku dalam parti MCA sendiri. Ia akan dilakukan dengan penerangan atas satu demi satu.

BAB II

SEJARAH DAN PERKEMBANGAN MCA

Terlebih dahulu penulis ingin menerangkan bahawa di dalam bab sejarah dan perkembangan MCA banyak perhatian ditumpukan pada isu pilihanraya dan keanggotaan parti ini. Isu-isu yang lain seperti perhubungan dengan parti komponen Barisan Nasional dan krisis dalaman parti akan diterangkan dalam bab-bab yang berikutnya.

Seperti yang diketahui MCA telah ditubuhkan pada 27hb. Februari 1949, 9 bulan selepas "Emergency Law" (Undang-Undang Darurat) diperkuatkan. Kerajaan Kolonial Inggeris mengawalkan Undang-Undang Darurat mulai bulan Jun 1948, yang menyebabkan ramai penduduk Cina di Tanah Melayu ketika itu mengalami banyak kesusahan dan keseksaan.

Oleh kerana kebanyakan anggota komunis Tanah Melayu pada masa itu terdiri daripada masyarakat Cina, maka dengan alasan ini kerajaan Inggeris telah memperkenalkan berbagai undang-undang dan peraturan untuk mengawal orang Cina. Lebih kurang seramai sejuta penduduk Cina di Tanah Melayu pada masa itu berada dalam keadaan yang agak cemas dan payah. Pegawai-pegawai Inggeris bertindak dengan begitu kejam sekali terhadap orang-orang Cina yang tinggal di kawasan desa.

Mereka membakar rumah-rumah dengan sesuka hati jika sesiapa di tempat itu disyaki berhubungan dengan parti komunis Malaya. Ahli-ahli sekeluarga bahkan orang tinggal sekampung akan didenda bersama. Terdapat juga laporan di mana ada di antara pegawai dan anggota tentera Inggeris yang melakukan perompakan apabila menjalankan pemeriksaan di kawasan desa dan kampung. Ada di antara penduduk Cina pada masa itu yang merasakan bahawa kekejaman orang Inggeris lebih dari orang Jepun. Pihak Inggeris mengancam bahawa jika penduduk Cina tidak bekerjasama dengan pihak Inggeris untuk menentang komunis, mereka akan dihalau balik ke China (kecuali mereka yang dilahirkan di Pulau Pinang dan Melaka).

Oleh yang demikian kaum Cina pada masa tersebut kebanyakannya mengharapkan satu pertubuhan yang dapat diterima dan diakui oleh pihak Inggeris untuk memimpin serta menjaga kepentingan mereka. Maka, MCA di bawah beberapa orang pemimpin Cina telah ditubuhkan pada ketika itu untuk memenuhi kehendak tersebut.

MCA ditubuhkan pada 27hb. Februari 1949, di bawah pimpinan Tan Cheng Lock, Leong Yew Koh, Henry Hun Shik Lee dan lain-lain setelah satu mesyuarat dengan pemimpin-pemimpin lain di Dewan Perhimpunan Cina Kuala Lumpur. Mereka semua bersetuju untuk menggelar pertubuhan tersebut sebagai Malayan Chinese Association (nama singkatannya - MCA). Dalam pertemuan tersebut juga Tan Cheng Lock dilantik sebagai Presiden, Yong Shook Lin sebagai Setiausaha

Agung dan Khoo Teik Tze sebagai Bendahari.¹ Antara mereka yang terlibat dalam rancangan pertubuhan MCA kebanyakannya merupakan Baba, ahli-ahli Koumintang China di Tanah Melayu atau mereka yang datang dari kelas pertengahan dan atasan yang berpendidikan Inggeris. Pertubuhan MCA menimbulkan kemarahan di kalangan ahli-ahli komunis Tanah Melayu kerana ditubuhkan dengan akuan pihak berkuasa dengan tujuan untuk menentang pihak komunis di samping mententeramkan penentangan kaum Cina terhadap kerajaan Inggeris. Dalam pada itu, MCA juga membantu pihak Inggeris untuk memindahkan kaum Cina (mereka yang tinggal di desa dan kawasan terpencil) ke kampung-kampung baru yang dikelilingi dengan dawai-dawai besi. Ini dilakukan dengan tujuan memutuskan hubungan penduduk kampung Cina dengan pihak komunis serta bantuan makanan atau kewangan yang diberi oleh penduduk-penduduk Cina kepada komunis secara sukarela atau atas paksaan.

Pada peringkat permulaan MCA merupakan sebuah pertubuhan kebajikan untuk membantu masyarakat Cina di negara ini. Walaupun begitu pertubuhan MCA telah beransur menjadi sebuah parti politik menjangkau tahun 1951 kerana memperlihatkan keadaan semasa yang memerlukan sesuatu pihak untuk mewakili kaum Cina dalam kerajaan. Aktiviti MCA yang terpenting pada masa itu ialah untuk membantu memindahkan kaum Cina ke kampung baru dan memberikan bantuan kewangan kepada mereka yang memerlukannya. Kemudian dengan usaha

¹Tan Siew Sin, Blueprint For Unity, m.s. 664, MCA 1972.

giat MCA, pihak Inggeris telah menarik balik cadangan untuk menghantar kaum Cina balik ke China. Selain daripada itu, MCA juga memberi bantuan perubatan dan lain-lain kebendaan kepada penduduk-penduduk Cina di kampung-kampung baru seiring dengan penubuhan sekolah dan balairaya. MCA juga membuat rayuan kepada pentadbir Inggeris bagi pihak penduduk Cina yang mana ahli keluarga mereka ditahan atas berbagai sebab dan alasan.

Untuk mendapat wang derma bagi membantu mereka yang berada dalam kerumitan, MCA telah melancarkan penjualan tiket loteri kebajikan masyarakat pada Februari 1950 di bawah urusan Khoo Teik Tze.² Kelebihan dari pendapatan jualan tiket itu digunakan dalam berbagai aktiviti kebajikan. Loteri kebajikan masyarakat yang sedemikian telah dilancar sebanyak 18 kali dan mendatangkan keuntungan lebih dari 5 juta ringgit yang telah dibelanjakan untuk membantu penduduk Cina dalam keadaan yang cemas itu.³ Di samping itu, keuntungan tersebut juga digunakan untuk membuka perpustakaan dan kelas pendidikan orang dewasa di kampung-kampung baru Cina di merata tempat bermula dari tahun 1953. Pada satu ketika kelas pendidikan seperti itu dilaporkan sejumlah 1,200 buah yang memakan belanja sebanyak 50 ribu ringgit setahun.⁴ Dengan jelasnya, MCA

²Tan Siew Sin, Blueprint for Unity, m.s. 664, MCA 1972.

³Nan Gung Er, MCA - 36 Tahun Dalam Pergolakan, m.s. 12 (dalam Bahasa Cina).

⁴Ibid.

ditubuhkan sebagai satu badan kebajikan bagi membantu dan menjaga kepentingan orang-orang Cina terutamanya mereka yang tinggal di kampung baru Cina. Walaupun begitu, MCA yang mengambil keputusan untuk bertanding dalam pilihan perbandaran Kuala Lumpur pada tahun 1952 telah beransur menjadi sebuah parti politik.

2.1 Perikatan Antara UMNO, MCA dan MIC

Pada peringkat permulaan, MCA di bawah pimpinan Tan Cheng Lock tidak bersetuju untuk bergabung dengan UMNO. Ini berlaku antara Ogos 1951 hingga Februari 1952, di mana perhubungan antara pemimpin MCA dan UMNO adalah tegang sekali setelah Dato Onn meninggalkan UMNO dalam bulan September 1951. MCA juga pernah "boycott" UMNO dalam jangka masa ini. Dengan tidak disangka Naib Presidennya Henry Lee (juga merupakan Ketua MCA Selangor) bersama dengan Yahya Bin Dato Abdul Rahman serta penyokong-penyokong Lee di Selangor telah berjaya membawa kedua-dua parti itu bergabung di bawah satu perikatan.

Tan Cheng Lock dan kawan baiknya Dato Onn sedari keadaan polarisasi kaum di Tanah Melayu pada ketika itu menjadi semakin tegang. Untuk mengatasi masalah ini Dato Onn telah bercadang untuk membuka pintu UMNO kepada kaum Cina dan India. Maka Dato Onn selaku Presiden UMNO telah mengesyorkan supaya UMNO menerima kaum Cina dan India sebagai ahlinya dalam persidangan parti yang telah diadakan pada 30hb. Jun 1950. Cadangan Dato Onn tersebut menyebabkan beliau

dikritik dan dikecam hebat oleh kebanyakan pemimpin UMNO (termasuk Tunku Abdul Rahman) yang akhirnya menyebabkan Dato Onn meninggalkan parti tersebut. Kemudian bersama dengan anaknya Hussein, beliau telah menubuhkan sebuah parti baru yang bergelar "Independence of Malaya Party (IMP)" telah ditubuhkan pada 16hb. September 1951 di mana Tan Cheng Lock telah ditugaskan sebagai pengerusi majlis. Perbuatan Dato Onn mendapat sokongan daripada barisan pimpinan MCA yang bersetuju menjadi ahli parti baru tersebut. Henry Lee sebagai Ketua MCA Selangor walaupun tidak diundang telah turut sama dalam Majlis Pengisytiharan Pertubuhan IMP tetapi beliau tidak dilayan oleh Dato Onn. Iri hati Lee terhadap Tan Cheng Lock ditambah lagi dengan layanan buruk daripada Dato Onn telah menyebabkan beliau berdendam dengan mereka berdua. Tanpa diketahui oleh sesiapa Henry Lee telah berpakat dengan Yahya Bin Dato Abdul Rahman (Ketua bagi jawatankuasa pilihanraya UMNO ketika itu) untuk bertanding dalam pilihan perbandaran Kuala Lumpur yang dijadual dalam Februari 1952.⁵ Perbuatan Henry Lee telah melanggar kehendak Tan Cheng Lock serta parti MCA juga kerana Tan telah memberikan arahan supaya pemimpin MCA di semua peringkat memberi sokongan dan bantuan kepada calon IMP. Walaupun Tan telah mengetahui perbuatan Lee yang menentang dirinya tetapi beliau masih terlambat untuk menghalangnya. Akhirnya, dengan tidak disangka IMP di bawah pimpinan Dato Onn yang

⁵ Cheah (), Perubahan Dalam Aliran Pemikiran Politik Bangsa Cina Di Malaysia, m.s. 46 (dalam Bahasa Cina), S.K. Cheah 1984.

memegang jawatan Menteri dalam kerajaan kolonial hanya mampu merebut 2 kerusi saja. Manakala MCA mendapat 6 daripada 12 kerusi (jumlah kerusi keseluruhannya) dan UMNO menang 3 kerusi.

Kekalahan yang memeranjatkan ini menyebabkan Dato Onn merasakan dirinya dipermainkan oleh Tan Cheng Lock dan MCA dan beliau telah mengambil berbagai langkah untuk membalas dendam. Sebagai langkah pertama, Dato Onn mencadangkan bahawa "parti politik tidak seharusnya melancarkan loteri kebajikan". Dengan kedudukannya sebagai Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam kerajaan kolonial, beliau berjaya memberhentikan penjualan tiket loteri MCA yang telah dijalankan sejak tahun 1950 lagi. Selepas itu beliau telah bercadang kepada pihak pemerintah kolonial untuk mengharamkan parti politik perkauman tetapi tidak berjaya.⁶

Perbuatan Dato Onn telah menimbulkan kemarahan di kalangan pemimpin dan ahli MCA. Tan Cheng Lock sebagai Presiden MCA terpaksa mengeneipkan perhubungan rapat antara dirinya dengan Dato Onn dan berpatah kepada UMNO di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman (menggantikan Dato Onn). Secara kebetulan, pada masa itu, Tunku memang ingin mendapatkan sokongan dari MCA dan MIC untuk mendirikan Perikatan untuk berusaha ke arah kemerdekaan. Setelah beberapa pertemuan antara pemimpin MCA dan UMNO, satu "Conventional National" telah

⁶ Nan Giung Tzi, MCA 36 Tahun Dalam Pergolakan, m.s. 15, Berita Awam Sdn. Bhd., 1985.

diadakan di salah sebuah hotel besar di Kuala Lumpur pada 23 Ogos 1953 untuk membincangkan berbagai cadangan demi mencapai kemerdekaan dan meminta supaya pilihanraya Se-Tanah Melayu dijalankan dengan secepat mungkin.⁷ Pada masa yang sama ada dua kumpulan lain iaitu Dato Onn dengan parti Negara (parti baru selepas IMP) dan parti PAS juga mengadakan perhimpunan yang serupa. Masing-masing mengadakan dirinya mewakili kebanyakan rakyat Tanah Melayu. Ini merupakan kali pertama di mana pemimpin UMNO dan MCA mengadakan hubungan dan kerjasama demi pentadbiran negara. Perkaitan ini kemudiannya ditambah lagi dengan satu ahli baru - MIC pada tahun 1954. Mereka menggelar perkaitan ini sebagai Perikatan pada 13hb. November 1954, hari MIC menyertai UMNO dan MCA dan mula bersiap sedia untuk menghadapi pilihanraya di seluruh Tanah Melayu pada tahun 1955. Mengenai perkembangan MCA selepas ini akan dibincangkan mengikut krisis-krisis yang berlaku dalam masa yang berkenaan nanti.

2.2 Keahlian dan Organisasi

Seperti yang disebutkan terawal tadi, MCA pada peringkat permulaannya merupakan sebuah badan kebajikan dengan tujuan untuk membantu kebanyakan penduduk Cina yang tinggal di kampung baru di bawah pentadbiran "Undang-Undang Darurat". Apabila undang-undang ini dipraktikkan pada akhir tahun 40an, kampung baru didirikan

⁷ Cheah, Perubahan Dalam Aliran Pemikiran Politik Bangsa Cina Di Malaysia, m.s. 51, S.K. Cheah, 1984.

di setiap penjuru Tanah Melayu yang mana 99% daripada penduduknya merupakan kaum Cina.

Telah disebutkan di atas, bahawa ahli-ahli MCA pada peringkat perubahan kebanyakannya merupakan mereka yang berpendidikan Inggeris dan berada. Oleh itu, boleh dikatakan mereka ini datang dari satu kelas tertentu yang jarang berhubung dengan majoriti masyarakat Cina pada ketika itu. Ini boleh dibuktikan dengan barisan pimpinan MCA yang terdiri dari peniaga, pemilik lombong profesional dan sebagainya sejak pertubuhan hingga ke awal tahun 70. Maka, adalah tidak hairan ia pernah dan selalu disifatkan sebagai "parti taukeh" atau "parti orang kaya".⁸

Mengikut rekod, MCA mempunyai jumlah ahli seramai 72,298 orang pada tahun 1950, di mana kebanyakan mereka datang dari Selangor, Johor dan Perak dan beberapa buah negeri yang mempunyai bilangan penduduk Cina yang besar. Pada peringkat ini, Pemuda dan Wanita MCA tidak mempunyai apa-apa peranan dalam pentadbiran parti. Mereka hanya merupakan satu jabatan sahaja. Sehingga ke awal tahun 1960 di mana Lee San Choon sebagai Setiausaha Agung Pemuda bergabung dengan ketuanya Lee Siok Yew meluaskan pengaruh Pemuda MCA dengan skil besar. Kerjasama dan hubungan rapat antara dua Lee ini pernah digelar oleh akhbar Inggeris tempatan sebagai

⁸ Tan Chee Khoon, "Without Fear or Favour", STAR, 9hb. Julai 1986.

"Lee Brothers Group". Perlu ditambah di sini, iaitu jumlah ahli MCA tidak bertambah banyak dalam masa 10 tahun. Mengikut senarai yang sama MCA mempunyai ahli seramai 72,441 orang pada tahun 1960.

Selepas kemerdekaan, MCA telah melancarkan kempen untuk merayu masyarakat Cina bentuk mendaftar diri sebagai rakyat Tanah Melayu (Malaya). Secara tidak langsung kempen-kempen seperti ini juga telah meluaskan pengaruh MCA. Pada masa yang sama juga, Pemuda MCA di bawah pimpinan dua Lee telah mengadakan berbagai pertunjukan pentas kebudayaan Cina di merata tempat di negara ini. Pertunjukan kebudayaan sedemikian dikatakan berkualiti tinggi dan menarik ramai golongan muda untuk menyertainya. Secara tidak langsung, ia juga telah memperluaskan organisasi MCA. Sehingga ke tahun 1970, jumlah anggota MCA telah bertambah 3 kali ganda menjadi 218,975 orang. Sehingga tahun ini, MCA berdiri tegak sebagai parti kedua besar di tanahair di samping merupakan parti kaum Cina yang terbesar dan terpenting berbanding dengan parti pembangkang Cina yang lain yang jauh ketinggalan di belakang. Lee San Choon menjadi Presiden MCA pada tahun 1974 selepas Tan Siew Sin meletakkan semua jawatannya dalam parti dan kerajaan. Beliau juga telah berusaha untuk meneruskan penerimaan ahli secara besar-besaran yang telah dilakukan oleh Tan. Usaha beliau mendatangkan hasil dan berjaya menjadikan jumlah ahli MCA seramai 411,024 pada tahun 1980 di samping sebilangan kecil yang telah keluar dari MCA untuk menyertai parti Gerakan Rakyat Malaysia bersama dengan

Michael Chen pada tahun yang sama. Malah ada pihak yang menyatakan bahawa Datuk Lee San Choon telah memperbesarkan MCA dengan berlipat ganda.

Didapati lebih kurang 70% daripada keseluruhan ahli MCA fasih dalam bahasa Mandarin yang juga merupakan bahasa ibunda kaum Cina. Ini memang wajar memandangkan MCA sebagai parti politik yang memimpin masyarakat Cina di negara ini. Selain daripada itu ramai di antara ahli MCA juga fasih dalam Bahasa Malaysia dan Inggeris yang mana ia merupakan lebih kurang 25% daripada jumlah ahlinya.

Jika mengikut pekerjaan didapati kurang daripada 1% dari jumlah ahli MCA yang memegang jawatan profesion seperti akauntan, peguam, jurutera, doktor dan sebagainya. Kenyataan ini juga menunjukkan bahawa hanya sebahagian kecil daripada keseluruhan ahli MCA yang berpendidikan tinggi. Maka tidak hairanlah jika terbaca di akhbar atau terdengar di siaran tentang rayuan pemimpin MCA kepada golongan berpendidikan tinggi serta terpelajar untuk menyertai parti tersebut.

Di Jadual 1 dibentangkan senarai jumlah keahlian, senarai peratus ahli yang fasih dalam berbagai bahasa serta senarai pekerjaan ahli-ahli MCA sebagai rujukan. Perlu penulis nyatakan, bahawa kesemua maklumat ini telah diberikan oleh bahagian komputer Wisma MCA sehingga bulan November 1986.

Jadual 1: Laporan Singkat Jumlah Keahlian MCA
Mengikut Janjkamasa Sepuluh Tahun

Tahun	Jumlah (Orang)	Tambahan Dalam Angka (Orang)	Tambahan Dalam %
1950	72,298	-	-
1960	72,441	143	0.2
1970	218,975	146,534	202.3
1980	411,024	192,049	87.7

Jadual 2: Senarai Jumlah dan Peratus Ahli MCA
Yang Fasih Dalam Berbagai Bahasa

Bahasa	Jumlah (Orang)	%
Bahasa Malaysia	250,881	61.03
Mandarin	301,878	73.44
Inggeris	102,973	25.05
Lain-Lain	106,896	26.00
4 Bahasa	28,937	7.03
Inggeris/Bahasa Malaysia/ Mandarin	52,846	12.85
Inggeris/Bahasa Malaysia/ Lain	44,398	10.80
Inggeris/Mandarin/Lain	3,592	0.87
Bahasa Malaysia/Mandarin/ Lain	1,162	0.28
Inggeris/Bahasa Malaysia	105,447	25.65
Inggeris/Mandarin	8,804	2.14
Inggeris/Lain	5,207	1.26
Bahasa Malaysia/Mandarin	4,143	1.00

Jadual 3: Laporan Analisa Pekerja/Ahli MCA

Pekerjaan	Jumlah (Orang)	%
Akauntan	759	0.18
Penggunting Rambut	448	0.11
Peniaga	66,984	16.29
Tukang Kayu	6,555	1.59
Kakitangan Kerajaan	1,043	0.25
Kerani	20,496	0.98
Jurutera	1,336	0.32
Petani	16,607	4.04
Penangkap Ikan	7,084	1.72
Penjaja	11,012	2.62
Lawyer (Peguan)	156	0.03
Doktor	329	0.08
Buruh	100,797	24.52
Penuntut	1,655	0.40
Guru	12,085	2.94

MCA dari segi pentadbiran dan organisasi boleh dikatakan agak sempurna. Ia mempunyai cawangan di merata tempat di negara ini. Asalkan tempat itu ada perkampungan masyarakat Cina, mesti wujud MCA di situ. Mengikut Encik Phang Tong Yang, salah seorang Wakil Undangan Negeri MCA di Johor, pertubuhan MCA di kampung baru Cina

adakalanya merupakan parti politik, kadangkala ia memainkan peranan sebagai badan kebajikan dan kemasyarakatan. Malahan ia mungkin juga dianggap sebagai satu kelab rekreasi.

Di kampung-kampung baru ini, MCA selalu memainkan peranan orang tengah antara kerajaan dan rakyat. Ia membantu penduduk untuk mendapatkan berbagai perkhidmatan asas seperti air, elektrik dan lain-lain. Ini boleh dilakukan kerana selalunya Ketua Cawangan MCA di kampung baru juga merupakan Ketua Kampung di tempat tersebut. Keadaan politik yang sedemikian juga menyebabkan pemimpin cawangan berpeluang untuk menerima rasuah yang mana ia memang berlaku di setengah tempat.

Keanggotaan MCA, terbuka kepada orang Cina yang berumur 18 tahun dan ke atas. Anggota-anggota dibahagikan kepada kumpulan Pemuda MCA, Wanita dan lelaki yang berumur 50 tahun ke atas (baru-baru ini ditukarkan kepada 45 tahun). Telah diperkatakan di antara Pemuda MCA menjadi satu golongan yang berpengaruh dari akhir tahun 50an atau awal tahun 60an. Sementara golongan Wanita pula diberikan perhatian lebih kurang 10 tahun kemudian. Wanita MCA merangkumi semua ahli wanita dalam parti ini.

Seperti parti-parti politik yang lain juga Cawangan MCA terletak di bawah lingkungan kawasan yang boleh menghantar delegasi ke mesyuarat agung parti dan berhak untuk mengundi pemimpin parti di peringkat kebangsaan. Jumlah delegasi yang boleh dihantar oleh

satu kawasan ditentukan oleh jumlah ahlinya. Tidak terdapat jumlah had maksima penghantaran delegasi seperti di UMNO. Walaupun begitu baru-baru ini syarat tersebut telah ditukarkan dan satu had maksima telah ditentukan bagi tahun-tahun yang akan datang. Perubahan ini dipercayai boleh mengurangkan penggunaan teknik kotor oleh mereka yang mempunyai kepentingan tertentu ataupun penghasilan anggota palsu seperti yang dilaporkan berlaku dalam krisis yang melibatkan puak Tan Koon Swan dan puak Neo Yee Pan.

Bahagian MCA ditubuhkan di dalam setiap kawasan Parlimen yang terletak di bawah kuasa Ketua Negeri MCA. Ketua Negeri MCA ini dilantik oleh Presiden sendiri dan mereka menerima arahan dari pusat parti. Pusat parti pula dibahagikan kepada bahagian untuk memastikan pentadbirannya dijalankan dengan lancar dan sempurna.

2.3 Perbincangan Tentang Pencapaian MCA Dalam Pilihanraya

MCA sebagai salah sebuah parti pemerintah dalam Barisan Nasional telah bertanding dalam kesemua pilihanraya yang pernah diadakan dalam negara ini semenjak 1952. Dalam pilihanraya majlis tempatan Kuala Lumpur pada tahun 1952 MCA berjaya memenangi 6 kerusi daripada jumlah keseluruhannya 12 kerusi. Ini juga merupakan kali pertama MCA bekerjasama dengan UMNO dalam pilihanraya (asal usul mengenainya telah dijelaskan terlebih dahulu di atas). Pilihanraya majlis tempatan ini telah membuka pintu kepada perundingan antara pemimpin UMNO dan MCA yang kemudiannya telah bekerjasama dengan MIC

untuk mencapainya kemerdekaan bagi Malaya. Sementara itu IMP yang diketuai oleh Dato Onn hanya mampu menang 2 kerusi yang bukan saja mengecewakan beliau tetapi juga membawa kejatuhan dalam politik bagi beliau akhirnya.

Setelah tertubuh perikatan antara UMNO, MCA dan MIC, berbagai usaha telah dilakukan untuk menghadapi pilihanraya yang pertama di seluruh Malaya. Keputusan pilihanraya ini adalah sangat penting untuk menentukan kumpulan mana yang harus diberikan tanggungjawab untuk mentadbir negara oleh pihak Inggeris jika kemerdekaan diberikan. Selain dari Perikatan, terdapat 2 kumpulan lain yang berjuang untuk mendapatkan kuasa pentadbiran Malaya pada masa itu. Kedua kumpulan tersebut ialah Parti Negara yang ditubuhkan oleh Dato Onn setelah beliau membubarkan IMP dan PMU (Peninsular Malays Union) yang ditubuhkan oleh segolongan Muslim yang mengutamakan kepentingan kaum Melayu sahaja.

Sebelum penamaan calon, konflik timbul dalam Perikatan terutamanya UMNO sendiri. Kebanyakan pemimpin UMNO mencadangkan supaya parti ini diberikan 90% daripada jumlah 52 kerusi yang akan dipertandingkan.⁹ Alasan yang diberikan adalah antara 1,280,850 orang pengundi 1,077,562 orang iaitu lebih kurang 84% merupakan pengundi berketurunan Melayu. Sementara itu pengundi kaum Cina

⁹Cheah, Perubahan Dalam Aliran Pemikiran Politik Bangsa Cina di Malaysia, m.s. 51, S.K. Cheah, 1984.

hanya berjumlah 142,946 orang (11.2%) dan kaum lain 60,346 (4.6%). Ini juga bererti calon kaum Cina dan India tidak boleh melebihi 10%. Tunku Abdul Rahman sebagai Presiden UMNO telah menentang cadangan tersebut sebaliknya beliau memperuntukkan 35 kerusi kepada UMNO, 15 kerusi kepada MCA dan 2 kerusi untuk MIC. Tunku juga dikatakan telah memberi amaran jika peruntukannya tidak diterima oleh UMNO, beliau akan meletakkan jawatan sebagai Presiden parti tersebut.¹⁰ Kedua parti MCA dan MIC telah menerima peruntukan Tunku tanpa bantahan dan mereka kedua memang puas hati dengan apa yang diberikan oleh Tunku. "Walaupun begitu, perlu ditegaskan bahawa MCA dan MIC tidak berusaha untuk mendapatkan kelebihan kerusi yang diperuntukkan itu, tetapi ia diberikan oleh Tunku yang besar hati."¹¹ Keputusan pilihanraya ini menunjukkan Perikatan mendapat sokongan yang hampir menyeluruh di Malaya dengan 51 kerusi daripada 52 kerusi yang dipertandingkan. Parti lawannya PAS hanya mampu merebut satu kerusi sementara Parti Negara kalah dalam kesemua 30 kerusi yang dipertandingkan. Inilah kali pertama dan mungkin terakhir di mana MCA menang 100% di dalam pilihanraya. Antara pemimpin MCA yang menang adalah Tan Siew Sin, Leong Yew Koh, Tong Joon Hing, Ong Yoke Lin dan lain-lain.

¹⁰ Nan Gung Er, MCA 36 Tahun Dalam Pergolakan, m.s. 19, Berita Awam Sdn. Bhd., 1985.

¹¹ Cheah, Perubahan Dalam Aliran Pemikiran Politik Bangsa Cina di Malaysia, m.s. 51, S.K. Cheah, 1984.

Setelah mendapat kemenangan dalam pilihanraya 1955, Tunku menjadi Ketua Menteri dan menubuhkan kabinet beliau. Antara pemimpin MCA yang dilantik sebagai Menteri dan Timbalan Menteri adalah Henry Lee sebagai Menteri Pengangkutan, Leong Yew Koh sebagai Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masyarakat, Ong Yoke Lin sebagai Menteri Pos dan Telegraf dan Tong Joon Hing pula sebagai Timbalan Menteri Pelajaran. Tunku dan kabinetnya tidak melengahkan masa dan terus bergiat dalam usaha untuk mencapai kemerdekaan bagi Malaya. Sebelum kemerdekaan Malaya pada 31hb. Ogos 1957 iaitu antara September 1955 sehingga Ogos 1957 perhubungan antara MCA dengan pertubuhan Cina menjadi tegang kerana perbezaan pendapat dalam perundingan langkah perlembagaan. MCA di bawah pimpinan Tan Cheng Lock, Leong Yew Koh, Tan Tong Hye dan lain-lain telah bertentang dengan 1,094 buah pertubuhan Cina yang diketuai oleh Lau Pak Khuan, Ketua MCA Perak dan juga pemimpin Cantonese di negeri itu.¹² Sejak dari itu, keretakan mula timbul antara MCA dan pertubuhan Cina yang menyebabkan terdapatnya dua badan pimpinan dalam masyarakat Cina walaupun sehingga hari ini. Dalam perundingan rang undang-undang kemerdekaan, MCA menumpukan perhatian sepenuhnya dalam masalah kerakyatan masyarakat dan tidak mengambil berat dalam tuntutan pertubuhan Cina untuk menjadikan bahasa Mandarin sebagai salah satu bahasa rasmi di samping Bahasa Malaysia dan Inggeris.¹³ Golongan pertubuhan Cina telah

¹² Nan Gung Er, MCA 36 Tahun Dalam Pergolakan, m.s. 20, Berita Awam Sdn. Bhd., 1985.

¹³ Ibid.

menghantar satu kumpulan 3 orang delegasi di bawah pimpinan Lau Pak Khuan ke London untuk berunding dengan pihak Inggeris tetapi tidak berjaya dan akhirnya menyebabkan Lau dipecat dari MCA. Walaupun MCA berjaya mendapatkan kerakyatan kepada 1 juta orang Cina dalam masa setahun selepas kemerdekaan, usahanya tidak disambut baik oleh masyarakat yang menyebabkan parti ini mengalami kekalahan dalam pilihanraya 1959 di samping masalah dalam parti tersebut.

Dalam pilihanraya ini MCA hanya berjaya dalam 19 kerusi dari 31 kerusi yang dipertandingkan oleh parti tersebut. Dalam pilihanraya ini, jumlah pengundi yang berdaftar adalah 2,177,000 di mana pengundi Cina merupakan 36% dari keseluruhannya atau lebih kurang 750 ribu orang. Walaupun pengundi Melayu telah bertambah dalam jumlah orang tetapi ia telah jatuh dalam peratusan menjadi 57%. Keadaan seperti ini menyebabkan Tunku mengalami kerumitan untuk memperuntukkan kerusi Dewan Parlimen bagi setiap ahli parti dalam Perikatan. Disebabkan jumlah pengundi yang bertambah, kerusi Dewan Parlimen juga turun ditambahkan dari 52 kerusi kepada 104 kerusi dan Tunku telah mengambil keputusan untuk memberikan peruntukan sebanyak 28 kerusi kepada MCA dalam pilihanraya tersebut. Jawatan-kuasa pusat parti MCA menolak peruntukan tersebut setelah mengadakan mesyuarat dan mereka meminta supaya MCA diberikan 40 kerusi untuk menentukan keadaan di mana perlembagaan kemerdekaan tidak boleh

diubah atau dibubar tanpa sokongan MCA.¹⁴ Lim Chong Eu sebagai Presiden baru MCA (beliau mengalahkan Tan Cheng Lock dalam pilihan parti tahun 1958) telah menghantarkan surat sakit kepada Tunku dan menyatakan cadangan dan pendapat pihak MCA setelah memperolehi persetujuan dari Tan Cheng Lock yang dilantik sebagai Presiden Kehormat. Disebabkan Perikatan telah mengalami kekalahan dalam pilihanraya Dewan Undangan Negeri sebelum itu yang menyebabkan Terengganu dan Kelantan jatuh ke tangan parti PAS (parti Islam). Tunku berasa jika beliau bersetuju dengan permintaan MCA mungkin menyebabkan UMNO kehilangan sokongan dari masyarakat Melayu. Maka setelah beberapa rundingan sulit diadakan, Tunku menawarkan 31 kerusi kepada MCA tetapi masih tidak diterima oleh Lim. Tanpa diketahui oleh Lim surat sulit beliau kepada Tunku telah disiarkan dalam akhbar yang menyebabkan kemarahan UMNO termasuk Tunku sendiri. Lim Chong Eu yang dipersalahkan oleh kedua pihak UMNO dan MCA terpaksa menerima 31 kerusi yang ditawarkan terlebih dahulu. Namun begitu beliau tidak dicalonkan oleh Tunku. Tunku mengabaikan Lim sebaliknya berunding dengan golongan Tan Siew Sin dalam usaha memilih calon MCA untuk bertanding dalam pilihanraya tersebut. Ini menyebabkan Lim Chong Eu meletakkan jawatannya sebagai Presiden MCA dengan alasan untuk mendapatkan rawatan perubatan di London.

Kekalahan MCA dalam pilihanraya 1959 boleh dikatakan

¹⁴ Nan Gung Er, MCA 36 Tahun Dalam Pergolakan, m.s. 29, Berita Awam Sdn. Bhd., 1985.

berpunca dari masalah-masalah yang tersebut di atas. Calon-calon MCA selain daripada menghadapi cabaran dari calon parti pembangkang seperti Socialist Front, People's Progressive parti juga ditentang oleh calon persendirian yang kebanyakannya merupakan mereka yang telah meninggalkan MCA atau penyokong Lim Chong Eu. Berbagai isu telah digunakan oleh calon-calon pembangkang tersebut seperti isu bahasa Mandarin dan kedudukan dan hak istimewa Melayu dan lain-lain. MCA juga dipersalahkan sebagai menjual kepentingan masyarakat Cina kepada Melayu.¹⁵ Oleh itu, tidaklah salah jika dikatakan kekalahan MCA dalam pilihanraya 1959 berpunca dari konfliknya dengan pertubuhan Cina dan konflik antara pemimpin-pemimpinnya sendiri.

2.3 (i) Pilihanraya 1964 Kemenangan Besar Bagi Perikatan

Dalam pilihanraya yang dijalankan pada 25hb. April 1964, Perikatan mencapai kejayaan dalam 89 kerusi daripada kesemua 104 kerusi Dewan Parlimen yang dipertandingkan. MCA juga mencapai kejayaan besar dengan memenangi 27 kerusi daripada jumlah 33 kerusi yang diperuntukkan kepadanya. Dengan jelasnya MCA mendapat sokongan kuat daripada masyarakat Cina kerana ramai di antara calon parti ini menang dalam kawasan kaum Cina. Secara tidak langsung keputusan pilihanraya ini juga menunjukkan kebanyakan penduduk negara ini menyokong penubuhan Malaysia dengan gabungan antara Malaya, Sabah

¹⁵ Tunku Abdul Rahman, "As I See It", STAR.

dan Sarawak.

Kemenangan Perikatan juga merupakan kekalahan bagi parti-parti pembangkang di mana PAS telah kalah untuk mengekalkan kuasa pentadbirannya di negeri Terengganu. Di samping itu parti ini hanya berjaya merebut 9 kerusi Parlimen. Sementara ini, parti pembangkang lain seperti Socialist Front yang mempunyai 8 orang ahli Parlimen dalam pilihanraya 1959, hanya berjaya mengekalkan 2 kerusi sahaja.

Beberapa isu semasa boleh dikatakan telah memberi sumbangan kepada kejayaan Perikatan. Yang pertama ialah penentangan Indonesia terhadap Malaysia menyebabkan kebanyakan orang Cina mengambil keputusan untuk menyokong MCA dan kerajaan Perikatan bertukar menghadapi cabaran negara tersebut. Kedua, tuduhan MCA terhadap pemimpin Socialist Front iaitu Abdul Aziz Bin Ishak yang mensifatkan beliau sebagai orang yang ingin merompak kepentingan kaum Cina dalam perniagaan juga menyebabkan masyarakat Cina was-was akan motif parti tersebut.¹⁶ Secara tidak langsung ia telah menyebabkan penduduk Cina memberi lebih sokongan kepada MCA berbanding dengan parti pembangkang tersebut. Sokongan masyarakat Cina kepada calon-calon pembangkang yang terkenal dan berpengaruh seperti Dr. S.P. Senivasagam, Lim Ken Siew, Lim Chong Eu (parti United Democratic) dan sebagainya

¹⁶ Cheah, Perubahan Dalam Aliran Pemikiran Politik Bangsa Cina di Malaysia, m.s. 95, S.K. Cheah, 1984.

juga dikatakan mempunyai pengaruh yang tertentu dalam pilihanraya 1964.¹⁷

2.3. (ii) Pilihanraya 1969, MCA Sekali Lagi Mengalami Kekecewaan

MCA sekali lagi dikecewakan oleh masyarakat Cina dalam pilihanraya yang dijalankan pada 10hb. Mei 1969 yang kemudiannya diikuti dengan kejadian tragedi 13 Mei. Sejak akhir tahun 1967, masyarakat Cina di Malaysia telah dibangkitkan dengan keinginan untuk menubuhkan sebuah Universiti Merdeka yang akan menggunakan bahasa Mandarin dalam pengajaran dan pengurusan untuk memberikan lebih peluang kepada penuntut di sekolah menengah persendirian. Isu ini sebagai satu gelombang besar melanda bangsa dan negara yang datangkan pengaruh yang begitu besar sekali kepada masyarakat Malaysia keseluruhannya.

MCA sebagai parti kaum Cina dengan tugasnya menentang cadangan tersebut. Sebaliknya, MCA mencadangkan kepada pertubuhan Cina khasnya dan masyarakat Cina amnya untuk menubuhkan sebuah institusi tinggi yang boleh diterima oleh setiap kaum dan kerajaan sebagai gantian Universiti Merdeka. Dalam tahun 1968, rancangan Universiti Merdeka dijalankan dengan giatnya di beberapa negeri di Malaysia di bawah pimpinan pertubuhan Pengurus Sekolah Cina Bersatu. Gerakan untuk mendirikan Universiti Merdeka ini telah

¹⁷ Ibid.

telah beransur menjadi satu gerakan yang dirancang untuk menentang MCA dan kerajaan pada akhir tahun 1968 dan awal 1969.

Cadangan MCA untuk menubuhkan sebuah institusi tinggi telah diterima oleh Menteri Pelajaran ketika itu Mohd. Khir Johari pada 11hb. Julai 1968 dan diberi nama sebagai Kolej Tunku Abdul Rahman. Lulusan dari kolej ini akan diakui penuh oleh kerajaan nanti. Perlu disebutkan di sini bahawa Setiausaha Agung MCA pada masa itu - **Khaw** Kai Boh telah memainkan peranan besar dalam penubuhan TAR kolej ini.

Penubuhan Kolej Tunku Abdul Rahman oleh MCA tidak juga memuaskan hati golongan pendidik Cina dan pemimpin-pemimpin masyarakat yang dilantik untuk menguruskan rancangan Universiti Merdeka. Masyarakat Cina pada masa yang sama juga telah banyak menyumbang kepada jawatankuasa Universiti Merdeka dengan mengadakan jualan untuk mengumpul derma oleh penjaja di bandar dan desa. Berbagai seminar yang kecil dan besar telah dilancarkan oleh golongan "educationist" ini untuk mengumpul derma di samping mengecam MCA dan dasar-dasar kerajaan yang mengabaikan pendidikan Cina. Antara 5hb. April 1969 (hari penamaan calon bagi pilihanraya) sehingga 10hb. Mei (hari pembuangan undi), parti-parti pembangkang seperti DAP, PPP menggunakan isu Universiti Merdeka untuk mengecam kerajaan dengan tujuan memancing undi di kalangan pengundi kaum Cina. MCA dikatakan berada dalam satu keadaan yang agak merbahaya dan hampir

tidak dapat mempertahankan diri. Calon-calon MCA yang bertanding dalam kawasan penduduk Cina terutama bandar mendapati diri mereka dikritik oleh golongan pertubuhan Cina dalam perjumpaan ramai serta seminar yang diadakan. Mereka dikecam kerana MCA tidak mendapatkan bahasa Cina sebagai bahasa rasmi, MCA menjual pendidikan Cina kepada Melayu serta mengecam kerajaan kerana menentang penubuhan Universiti Merdeka. Tan Siew Sin sebagai Presiden MCA dan calon parti itu di kawasan tengah Melaka dalam satu perjumpaan ramai yang diadakan di kawasan tersebut pada 15hb. April 1969 telah mengecam pemimpin-pemimpin dalam pertubuhan pengurus-pengurus Sekolah Cina Bersatu dengan mensifatkan Universiti Merdeka sebagai satu "mimpi siang", yang tidak mungkin terjadi dalam keadaan masyarakat di negeri ini.¹⁸ Dalam ucapannya, beliau dilaporkan berkata "It is easier for the hell to freeze than the Merdeka Universiti to be established in this country."¹⁹ Ucapan Tan ini telah menambahkan ketidakpuasan di kalangan masyarakat Cina terhadapnya.

Kecaman dan kritikan terhadap MCA telah membangkitkan pemimpin-pemimpin parti ini dan mereka mula sedar akan kecemasannya yang disebabkan oleh sebahagian besar pengundi kaum Cina yang telah berpatah kepada parti pembangkang. Untuk menyelamatkan keadaan, Khaw Kai Boh dengan relanya menawarkan bantuan kepada jawatankuasa

¹⁸ Sin Chew Jit Poh, 16hb. April 1969.

¹⁹ Ibid.

Universiti Merdeka dan berjaya mendaftarkan Universiti Merdeka sebagai satu syarikat berhad.²⁰ (Satu pertubuhan yang berhak untuk menyimpan segala dermaan Universiti Merdeka, tetapi ia masih perlu memohon kepada Kementerian Pelajaran untuk penubuhannya). Walaupun begitu, usaha MCA masih juga terlembat untuk menarik balik sokongan masyarakat Cina kepadanya. Keputusannya, MCA mengalami kekalahan yang paling teruk dalam sejarahnya dengan hanya memenangi 13 kerusi Parlimen daripada jumlah 33 kerusi yang dipertandingkan khasnya di kawasan bandar. Kuala pentadbiran MCA di Pulau Pinang juga telah diugut oleh parti Gerakan Rakyat Malaysia di bawah pimpinan Lim Chong Eu, Tan Chee Koon dan lain-lain. MCA kehilangan semua kerusi Dewan Undangan Negeri di Pulau Pinang sebaliknya Gerakan mendapat 16 kerusi daripada keseluruhannya 24 kerusi, dan Perikatan hanya mampu mempertahankan 4 kerusi Dewan Undangan Negeri di negeri tersebut melalui UMNO. Ketua Menteri MCA di Pulau Pinang Wong Poh Nee juga mengalami kekalahan dalam tangan seorang yang tidak dikenali ramai.

Di kalangan parti pembangkang pula, DAP mendapat 13 kerusi Parlimen, PAS mendapat 12 kerusi, Gerakan mendapat 8 kerusi, PPP mendapat 4 kerusi dan calon Bebas mendapat 1 kerusi. Kekalahan Perikatan dalam 2 negeri iaitu Selangor dan Perak telah menyebabkan ketidakstabilan dalam negeri-negeri tersebut. Dari jumlah 28 kerusi

²⁰ Nan Gung Er, MCA 36 Tahun Dalam Pergolakan, m.s. 75, Berita Awam Sdn. Bhd., 1985.

Dewan Undangan Negeri di Selangor, Perikatan hanya dapat merebut 14 kerusi yang mana tidak cukup untuk mendirikan kerajaan negeri yang stabil. Sementara di Perak pula, dari 40 kerusi yang dipertandingkan, Perikatan hanya mendapat 19 kerusi yang bererti kurang dari setengah. Keadaan ini menyebabkan DAP berusaha giat untuk mendapatkan sokongan parti pembangkang lain seperti Gerakan dan PPP untuk menubuhkan kerajaan negeri di situ. Perikatan juga tidak mahu mengaku kalah dan terus merayu supaya Gerakan dan PPP menyertai barisannya untuk mendirikan kerajaan negeri yang stabil. Perarakan kemenangan yang dilancarkan oleh Gerakan dan DAP di Kuala Lumpur telah mengganggu emosi kaum Melayu akibat pertuturan yang tidak senonoh yang disebutkan oleh penyokong parti pembangkang. Emosi perkauman telah meningkat ke kemuncak yang akhirnya telah menyebabkan tragedi antara kaum Melayu dan bukan Melayu di beberapa tempat seperti di Kuala Lumpur, Selangor, Perak dan lain-lain tempat pada 13hb. Mei 1969. Perbuatan membakar bangunan dan kenderaan berlaku di merata tempat terutamanya bandar di negeri ini selama lebih kurang tiga bulan. Disebabkan tekanan dari pihak UMNO sendiri, Tunku telah menggunakan kuasanya untuk mengenakan perintah berkurung di Kuala Lumpur pada 10.30 malam 13hb. Mei 1969 melalui RTM yang dilanjutkan ke seluruh negara pada keesokan harinya. Tiga hari kemudian Tunku mengisytiharkan penubuhan satu National Operation Council di bawah pimpinan Tun Razak yang menerima arahan dari Yang DiPertuan Agong dengan secara langsung. Sehingga kritikan itu,

Tunku sebenarnya tidak lagi berkuasa dalam kerajaan dan beliau hanya berperanan sebagai penasihat kepada kaunsil tersebut.

MCA di bawah pimpinan Tan Siew Sin telah memberitahu kepada Tunku yang semua ahli Dewan Rakyat MCA tidak akan menyertai kabinetnya kerana masyarakat menolak MCA sebagai wakil mereka dalam kerajaan pada pagi 13hb. Mei, sebelum berlaku perkara pertumpahan darah antara kaum di Kuala Lumpur. Setelah berlakunya perkara 13hb. Mei, MCA bersetuju untuk membantu kerajaan dalam keadaan yang cemas itu dengan hanya memegang jawatan sebagai Menteri Tugas Khas, sehingga demokrasi Parlimen dilancarkan semula dalam tahun 1971.

Menurut penelitian yang dibuat oleh pihak MCA kekalahan MCA dalam pilihanraya tahun 1969 boleh dikatakan berdasarkan beberapa isu semasa yang berbau perkauman. Isu-isu tersebut adalah:

1. Hak istimewa kaum Melayu yang disifatkan oleh DAP untuk mereka kaum bukan Melayu yang membangkitkan penentangan masyarakat Cina khususnya terhadap kerajaan.
2. Kedudukan Bahasa Mandarin - DAP, Gerakan dan PPP dalam usaha memancing undi telah menuduh MCA sebagai menjualkan pendidik Cina kerana tidak berusaha untuk menjadi bahasa Mandarin sebagai salah satu daripada bahasa rasmi.
3. Perkara Universiti Merdeka - Parti Pembangkang menggunakan isu ini untuk menimbulkan kemarahan masyarakat Cina

terhadap MCA dan kerajaan dan lain-lain lagi.²¹

Pemimpin-pemimpin Perikatan seperti T.H. Tan, Tunku, Mahathir dan sebagainya juga mengaku perbezaan antara kaum dan tidak wujudnya harmoni antara kaum telah menyebabkan berlakunya tragedi 13 Mei. Kata T.H. Tan, "Politik perkauman yang berupaya untuk meruntuhkan keharmonian jelas kelihatan dalam pilihanraya 1969."²² Mahathir (seorang ahli Jawatankuasa Pusat UMNO ketika itu) pula mengatakan "walaupun kaum Melayu dan bukan Melayu pernah bekerjasama untuk mencapai kemerdekaan, tetapi sebenarnya tidak pernah wujud keharmonian yang benar dan ikhlas dalam negara ini."²³

2.3 (iii) Pilihanraya 1974 - Barisan Nasional (Perikatan)
Mencapai Kejayaan Yang Cemerlang

Demokrasi Parlimen diimplimentasikan semula pada 2hb. Februari 1971, Tun Razak yang mengambilalih jawatan sebagai Perdana Menteri daripada Tunku dalam tahun 1970, menyedari Perikatan tidak dapat mewakili setiap kaum dalam Malaysia dengan berkesan maka ia patut diperbesarkan lagi. Melalui berbagai usaha seperti pertemuan dan perundingan, akhirnya beliau berjaya merayu beberapa parti

²¹ Nan Gung Er, MCA 36 Tahun Dalam Pergolakan, m.s. 81, Berita Awam Sdn. Bhd., 1985.

²² Tan Tong Hye, The Prince and I, dipetik oleh Nan Gung Er, MCA 36 Tahun Dalam Pergolakan, Berita Awam Sdn. Bhd., 1985.

²³ Mahathir Mohamad, The Malay Dilemma, dipetik oleh Nan Gung Er dalam MCA 36 Tahun Dalam Pergolakan, Berita Awam Sdn. Bhd., 1985.

pembangkok untuk menyertai kerajaan dan menubuhkan Barisan Nasional. Barisan Nasional ditubuhkan pada lhb. Jun 1974, dengan gabungan 9 buah parti politik di Semenanjung dan Malaysia Timur. Parti-parti tersebut adalah UMNO, MCA, MIC, Gerakan, PAS, PPP, SUPP (Sarawak United Peoples Party, Berjasa (Barisan Rakyat Jati Sarawak) dan USNO di Sabah.²⁴ MCA yang mengalami kekalahan teruk dalam pilihanraya 1969 telah mengadakan berbagai rancangan untuk memupukkan kepercayaan terhadap parti ini di kalangan masyarakat Cina. Antaranya seperti mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan pertubuhan Cina, seminar dan perjumpaan ramai dengan pemimpin masyarakat Cina demi perpaduan kaum Cina di Malaysia dan lain-lain. Ia memberi satu gambaran kepada masyarakat Cina yang MCA benar-benar mahu memperbaiki hubungannya dengan mereka.

Disebabkan itu Tun Razak juga telah melakukan sesuatu yang agak memeranjat negara Asia Tenggara dengan mengadakan rombongan lawatan Malaysia ke Peking dalam bulan Mei 1974, setelah beberapa perundingan yang berpanjangan dan sulit dengan pihak China. Dalam perundingan beliau dengan pemimpin China Mao Tze-Tung dan Chou Tzu Lai, beberapa soal kontroversi antara kedua negara telah diselesaikan. Kejayaan rombongan lawatan ini bukan saja telah menambahkan peluang perdagangan secara langsung antara perdagangan di kedua negara tetapi juga telah mengwujudkan perhubungan diplomatik yang sepenuhnya.

²⁴ Berita Awam, m.s. 5, 4hb. Ogos 1986.

Ini secara tidak langsung telah menambah rasa kepuasan masyarakat Cina terhadap Barisan Nasional. Sebaliknya kritikan antara parti-parti pembangkang sering kelihatan dalam akhbar kerana DAP menolak cadangan Tan Chee Khoo untuk menubuhkan barisan bersatu parti pembangkang. Pertelingkahan antara parti pembangkang telah memberi peluang kemenangan yang lebih baik kepada MCA dan BN.

Tun Razak yang merasa sudah sampai masanya untuk mengadakan pilihanraya akhirnya telah mengisytiharkan pilihanraya Parlimen dan Negeri dijalankan bersama pada 24hb. Ogos 1974 di Semenanjung dan Sarawak (Sabah hanya menjalankan pilihanraya Parlimen tahun itu). Pada hari penamaan calon, BN telah menang 47 kerusi Parlimen dan 43 kerusi Dewan Undangan Negeri tanpa bertanding.²⁵ Keputusan pilihanraya ini menunjukkan masyarakat Malaysia khasnya masyarakat Cina telah memberi sokongan yang kuat kepada BN. Ia boleh dibuktikan dengan keputusan pilihanraya Parlimen keseluruhan yang dijadualkan di bawah ini (Jadual 4).

Jika dibandingkan dengan MCA, DAP dengan jelasnya lebih lemah dan hanya berjaya mempertahankan 9 kerusi Parlimen daripada kesemua 46 kerusi yang dipertandingkan. Pilihanraya ini juga menunjukkan pengaruh parti pembangkang pada keseluruhannya telah menurun.

²⁵ Berita Awam, m.s. 5, 4hb. Ogos 1986.

Jadual 4: Keputusan Pilihanraya Parlimen 1974

Parti	Kerusi Yang Dipertandingan	Kerusi Yang Dimenangi
UMNO	61	61
MCA	23	19
MIC	4	4
PAS	14	14
Gerakan	8	5
PPP	4	1
USNO	19	16
SUPP	8	6
Berjasa	16	9
JUMLAH	154	135

2.3 (iv) Pilihanraya 1978 - MCA Dikalahkan Oleh Isu-Isu
Kepentingan Masyarakat Cina

Sebelum membincang tentang pilihanraya 1978, penulis rasa adalah perlu untuk disebutkan beberapa isu semasa yang penting sebelum itu. Yang pertama ialah PAS dipecat dari BN kerana krisis dalaman parti tersebut. Krisis antara puak dalam PAS menyebabkan keadaan dalam negeri Kelantan menjadi hura-hara. Yang DiPertuan Agong terpaksa menggunakan kuasa Undang-Undang Darurat di Kelantan mengisytiharkan negeri tersebut terletak dalam pentadbiran Darurat yang Dewan Undangan Negeri diarahkan berehat sehingga diberitahu

nanti. PAS yang tidak puas hati dengan Undang-Undang Darurat ini telah menentang akta tersebut bersama DAP yang akhirnya menyebabkan parti ini dipecat dari BN pada 16hb. Disember 1977. Ini bermakna PAS sekali lagi memainkan peranan sebagai parti pembangkang. Pengaruh PAS telah menurun dengan banyak setelah parti itu menyingkalkan BN yang menyebabkan ia mengalami kekalahan besar dalam pilihanraya undangan negeri di Kelantan pada tahun 1978 dengan hanya berjaya mempertahankan 2 kerusi sahaja. Sebaliknya UMNO telah menjadi semakin kuat.

Isu kedua yang penting ialah isu Universiti Merdeka yang pernah ditimbulkan dalam tahun 60an telah dibangkit semula kerana sokongan kuat dari masyarakat Cina terhadap sekolah menengah persendirian dan peluang penuntut Sekolah Cina untuk memasuki universiti tempatan yang makin menurun. Rancangan ini disokong kuat oleh banyak pertubuhan Cina termasuk juga ahli-ahli MCA sendiri. Disebabkan MCA merupakan parti dalam kerajaan, maka ia tidak dapat memberi pendirian yang tegas dalam isu ini. Maka, sekali lagi, isu Universiti Merdeka diguna oleh DAP untuk mengecam MCA. Pendirian DAP yang memberi sokongan penuh kepada penubuhan Universiti Merdeka dan ingin berjuang bersama pertubuhan Cina, telah berjaya meningkatkan imej parti tersebut dalam hati masyarakat Cina. Sebaliknya, MCA tidak dapat buat apa pun, maka adalah tidak hairan jika dikatakan, sebahagian masyarakat Cina kehilangan kepercayaan terhadap MCA.

Keadaan menjadi bertambah teruk apabila wujudnya konflik antara MCA dan Gerakan di Pulau Pinang kerana sebahagian daripada pemimpin MCA di negeri itu tidak puas hati terhadap peruntukan kerusi yang diberikan.²⁶ Pertengkaran antara 2 parti ini akhirnya menyebabkan 7 orang daripada pemimpin negeri MCA berpakat dan menubuhkan barisan persendirian untuk mencabar calon-calon Gerakan di Pulau Pinang. Gerakan dan MCA walaupun sama-sama merupakan rakan parti dalam BN tetapi oleh sebab pendirian politik yang berbeza dan kepentingan masing-masing adalah saling membenci sejak dulu lagi. Kebangkitan "Golongan 7 Orang" ini menyebabkan hubungan antara 2 parti ini terutamanya di Pulau Pinang menjadi bertambah tegang sehingga terjadi pengecaman terbuka dalam akhbar. Secara tidak langsung, konflik untuk MCA dan Gerakan telah menguntungkan DAP dan menyebabkan beberapa orang calonnya menang di Pulau Pinang.

Pilihanraya tersebut diadakan pada 8hb. Julai 1978. Keputusan sekali lagi memberikan dua pertiga majoriti kepada BN di Semenanjung dengan memenangi 94 kerusi dari kesemua 114 kerusi Parlimen yang dipertandingkan. Antaranya UMNO mendapat 69 kerusi (bertanding dalam 74 kerusi), MCA menang 17 kerusi (bertanding dalam 27 kerusi), Gerakan menang 4 kerusi (bertanding dalam 6 kerusi) dan MIC menang 3 kerusi daripada jumlah 4 kerusi yang dipertandingkan.

²⁶ Cheah, Perubahan Dalam Aliran Pemikiran Politik Bangsa Cina di Malaysia, m.s. 399, S.K. Cheah, 1984.

MCA yang bertanding dalam 27 kerusi Parlimen, telah ditumpangkan di 10 kawasan oleh DAP menjadikan jumlah kerusi Parlimen yang dimenangi oleh parti tersebut bertambah ke 15 kerusi. Kemenangan DAP juga menyebabkan Lim Kit Siang wujud sebagai pemimpin parti pembangkang yang terbesar di Malaysia sehingga hari ini.

Keputusan pilihanraya ini dengan jelasnya memperlihatkan bahawa sebahagian besar pengundi mengundi atas dasar dan pertimbangan perkauman terutamanya di kawasan bandar yang menyebabkan ramai di antara calon DAP menang di kawasan bandar seperti Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Seremban, Melaka dan lain-lain. Pada hal pola pengundian yang sama telah berlaku dalam kelima-lima pilihanraya yang lalu. Ada pula calon-calon yang menang undi dengan meng-exploitkan hal-hal perkauman dalam setiap pilihanraya dan pada umumnya mereka berhasil.²⁷

Maka beberapa tokoh politik termasuk Tan Siew Sin (Presiden MCA sebelum Lee San Choon) sampai kepada kesimpulan bahawa keputusan pilihanraya umum 1978 "menunjukkan polarisasi kaum di negara ini semakin meluas terutama di kalangan generasi muda."²⁸ Bagaimanapun Timbalan Perdana Menteri masa itu - Dr. Mahathir pula berpendapat bahawa jika dibandingkan dengan pilihanraya 1969, polarisasi kaum

²⁷ Noor Azam, Perspektif 1969 - 1979, m.s. 102, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980.

²⁸ Ibid.

terbukti telah berkurangan. Sebaliknya beliau anggap sikap "anti establishment" yang menyebabkan parti pembangkang berjaya di bandar kerana pengundi bandar yang bersikap negatif terhadap kerajaan ini selalu mengundi parti pembangkang tanpa mengira apa parti dan siapa calonnya.²⁹

2.3 (v) Pilihanraya Umum 1982 - MCA "Break Through"
Mengalahkan "Roket" - DAP

Dalam pilihanraya umum ini, MCA mendapat kemenangan yang cemerlang dengan memenangi 24 kerusi daripada 28 kerusi yang diperuntukkan. Sebaliknya, DAP hanya mampu mempertahankan 6 kerusi sahaja (3 lagi di Sabah dan Sarawak). Selain daripada MCA, parti BN yang lain seperti UMNO, Gerakan dan MIC juga mendapat kejayaan besar dalam pilihanraya ini.

Kejayaan BN terutama MCA dalam pilihanraya umum yang ketujuh ini boleh dibincangkan dengan beberapa perkara yang melibatkan kerajaan dan masyarakat Cina secara umumnya. MCA yang selama ini disifatkan sebagai satu parti penakul telah berubah imejnya di bawah pimpinan Lee San Choon. Contoh yang paling baik ialah Lee San Choon dengan tabah menerima cabaran Lim Kit Siang untuk bertanding di Seremban tetapi beliau ditemukan dengan Chen Man Hin (Presiden DAP). Manakala Lim Kit Siang sendiri telah berpindah dari Petaling Jaya ke Kota Melaka untuk bertemu dengan "pembelot DAP" Chan Teck Chan

²⁹ Ibid.

(ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri DAP yang telah menyertai MCA dalam tahun 1981). Lee San Choon yang inginkan perubahan besar dalam MCA dan masyarakat Cina dengan slogannya "break through" dan sanggup bertanding di Kubu kuat DAP - Seremban, telah memenangi kepercayaan pengundi Cina. Sebaliknya, imej Lim pula terjatuh dengan menarik diri dan bertanding dengan Lee. Tindakan Lee yang menyeru masyarakat Cina bersatupadu di bawah barisan MCA demi kepentingan komuniti sendiri telah mendapat sambutan yang baik. Ini ditambah lagi dengan kejayaan Multi Purpose menjadi Syarikat Antarabangsa (yang ditubuhkan oleh MCA) pada tahun 1980 hingga ke saat pembuangan undi telah menarik lebih ramai pengundi Cina ke pihak MCA.

Di samping itu juga, segolongan "educationist" yang diketuai oleh Koh Tsu Koon telah menyertai Gerakan dengan persetujuan dari pihak pertubuhan Guru-Guru Sekolah Cina Bersatu dan Pengurus Sekolah Cina Bersatu. Secara tidak langsung golongan pertubuhan Cina ini menunjukkan penentangannya terhadap DAP. Maka wujudlah keadaan di mana calon DAP yang selama ini mempermainkan isu pendidikan Cina bertemu dengan golongan "educationist Cina" dari Gerakan di 2 kawasan Parlimen. Ini menyebabkan ramai pengundi Cina memberikan undi masing-masing kepada calon MCA dan Gerakan. Ini boleh dibuktikan dengan kemenangan Lee San Choon di Seremban, kejayaan Tan Koon Swan (MCA) di Damansara, Koh Tsu Koon di Tanjung yang merupakan kawasan

DAP sebelum ini. Konflik dalam DAP pada tahun 1981 yang menyebabkan beberapa ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri meninggalkan parti dan menyertai MCA atau Gerakan bukan saja menjatuhkan imejnya juga mengurangkan perpaduan dan kekuatan yang secara tidak langsung memberikan peluang kepada parti lawan (BN) untuk menyerang parti tersebut.

2.3 (vi) Pilihanraya 1986 - Sekali Lagi MCA Dikecewakan

Dalam pilihanraya yang dilangsungkan pada tahun 1986 ini MCA dan Gerakan mengalami kekalahan yang teruk di tangan DAP. Keadaan yang lebih menarik berlaku di Pulau Pinang di mana DAP memenangi 10 kerusi Dewan Negeri, MCA 2 kerusi, Gerakan 9 kerusi dan UMNO 12 kerusi. Masalah timbul kerana UMNO di negeri tersebut meminta supaya jawatan Ketua Menteri diberikan kepada calon UMNO yang selama ini dipegang oleh Dr. Lim Chong Eu (Gerakan). Terdapat kritikan di akhbar yang menuduhkan DAP telah memecah-belahkan masyarakat Cina di negara ini.

Berbanding dengan pilihanraya yang lalu, MCA memang jelas tidak diterima oleh masyarakat Cina di mana parti ini hanya dapat mempertahankan 17 kerusi daripada 32 kerusi yang dipertandingkan. Sementara itu, DAP berjaya menambahkan kerusi Parlimennya dari 10 kepada 24 kerusi di mana 19 kerusi dari Semenanjung dan 5 dari Malaysia Timur. Secara perbandingan UMNO mendapat kejayaan cemerlang yang tidak didugakan. Parti ini dapat merebut 83 kerusi Parlimen

daripada kesemua 85 kerusi yang dipertandingkan di samping serangan yang kuat dari PAS.

Dalam mengulas kejayaan DAP terutamanya di bandar beberapa orang pemimpin BN mempunyai pandangan yang berbeza-beza. Kata Dr. Mahathir, "Kemenangan DAP adalah berdasarkan propaganda parti tersebut di samping ramai pengundi baru yang undi bagi kali pertama telah memberi sokongan kepada calon-calonnya."³⁰ Pemimpin MCA Tan Koon Swan pula mengatakan MCA mengalami kekecaman kerana satu rasa "anti-establishment" yang sangat kuat terutamanya di bandar.³¹ Terdapat beberapa tokoh politik seperti Tun Abdul Rahman dan Tun Hussein yang merasa tidak puas hati dengan berbagai masalah negara telah menunjukkan ketidakpuasan di dalam akhbar. Contohnya, Tun Hussein dilaporkan telah mengatakan bahawa negara kita memerlukan satu parti pembangkang yang kuat untuk mempertahankan kepentingan negara dan bangsa dalam satu pertemuannya dengan pemberita di Universiti Islam pada 5hb. Julai pada tahun yang sama.³² Pendapat Tun Hussein ini telah digunakan oleh parti-parti pembangkang terutamanya DAP yang cuba memancing undi dengan manifestasinya "menyekat dua pertiga majoriti BN." Di samping mengeksploitasikan

³⁰The Star, m.s. 1, 5hb. Ogos 1986.

³¹Ibid.

³²Berita Awam, m.s. 12, 8hb. Ogos 1986.

isu-isu semasa seperti Memali, skandal Kewangan Bumiputera di Hong Kong, kemelesetan ekonomi, masalah pengangguran yang semakin meningkat, DAP juga menuduh kegagalan MCA sebagai parti kaum Cina untuk mendapatkan keuntungan dan faedah yang sepatutnya bagi komuniti Cina di bawah berbagai dasar kerajaan. Isu-isu seperti di atas digunakan oleh parti pembangkang khususnya DAP untuk menyerang MCA dan kerajaan di seluruh negara. Selain daripada itu, krisis MCA yang berlangsung selama 22 bulan sejak awal tahun 1984 dan penglibatan Presiden baru Tan Koon Swan dalam kes Pan - Electric juga sedikit sebanyak menyumbang kepada kejayaan DAP.

Setelah penjelasan dilakukan ke atas kesemua pilihanraya umum yang dijalankan dalam negara ini (dari tahun 1955 - 1986) penulis mendapati para pengundi membuat pemilihan dengan satu pola yang tertentu. Didapati pengundi memberikan sokongan yang berselang kali kepada BN khususnya parti MCA dan pembangkang (DAP) dan kesemua pilihanraya yang lalu contohnya 1959, MCA dikecewakan oleh DAP, kemudian dalam tahun 1964, MCA mencapai kejayaan besar yang diikuti dengan kekalahan teruk dalam tahun 1969 tetapi kejayaan dalam tahun 1974 dan pola ini diikut sehingga tahun lepas.

BAB III

KRISIS-KRISIS INTRA PARTI MCA

3.1 Konflik Antara Lim Keng Yaik dan Tan Siew Sin

Tan Siew Sin mengambilalih jawatan Presiden dari Cheah Toon Lock bermula dari tahun 1961. MCA boleh dikatakan berada dalam keadaan yang aman dan stabil walaupun terdapat perselisihan dan pertelingkahan antara pemimpin. Walaupun begitu krisis dalam parti MCA telah ditanamkan sejak tahun 1971 apabila Tan Siew Sin menerima ramai golongan muda ke dalam parti.

Demokrasi Parlimen diperalihkan pada Februari 1971, selepas diperhentikan akibat tragedi 13hb. Mei 1969 yang meletakkan pentadbiran kecemasan dan tentera. Setelah mengalami kekalahan yang teruk dalam pilihanraya itu, MCA di bawah Tan Siew Sin bercadang untuk keluar dari Perikatan tetapi atas permintaan dari pertubuhan Cina, beliau telah kembali bersama beberapa orang pemimpin yang lain dan memegang jawatan sebagai Menteri Tugas Khas sekian lebih dari setahun.

Tragedi 13 Mei telah membawa perbezaan besar dalam pola pentadbiran dan dasar-dasar kerajaan yang melibatkan semua kaum di negara ini terutamanya kaum Cina. Tan Siew Sin yang selama ini bergiat untuk mengukuhkan kedudukan dirinya dalam MCA mula menyedari kelemahan MCA dan masyarakat Cina yang tidak dapat menghadapi cabaran zaman. Kekalahan MCA dalam pilihanraya tersebut bukan saja kerana

cabaran dari parti politik Cina tetapi juga disebabkan oleh kekurangan sokongan masyarakat Cina dan konflik antara parti MCA dengan pertubuhan Cina. Di samping itu juga, terdapat tuduhan di mana Tan Siew Sin tidak dapat memainkan peranannya sebagai Presiden MCA - parti kaum Cina yang terbesar di Malaysia kerana latarbelakang keluarga dan pelajarannya yang menyebabkan beliau tidak dapat bertutur dalam bahasa Mandarin atau apa juga loghat Cina. Maka, bolehlah dikatakan Tan tidak dapat berhubung rapat dengan masyarakat Cina serta ahli biasa MCA yang berpendidikan Cina.

Atas dasar untuk memperluaskan pengaruh MCA di kalangan rakyat Cina serta menambahkan kepercayaan komuniti itu kepada parti tersebut, Tan telah membawa masuk sekumpulan pemimpin muda (kebanyakannya dari Perak). Golongan muda ini yang digelar "reformist" ini terdiri daripada Lim Keng Yaik, Alex Lee, Tan Tiong Hong, Paul Leong dan lain-lain lagi. Mereka diberi arahan oleh Tan untuk menjalankan aktiviti dalam kampung baru dan desa terutamanya di Perak untuk menarik lebih ramai golongan mudi menyertai barisan MCA. Melalui aktiviti tersebut juga diharapkan imej MCA dalam masyarakat Cina dapat dinaikkan di samping mendirikan imej Tan sendiri sebagai pemimpin Cina. Tanpa disangka, perbuatannya itu telah menyebabkan satu kuasa tentangan terhadap dirinya timbul dalam parti dan mengakibatkan percetusan revolusi MCA 1973.

Kemunculan Lim Keng Yaik dari seorang ahli biasa MCA ke senator dan kemudiannya menteri dalam kabinet telah menimbulkan rasa iri hati di kalangan ramai pemimpin MCA. Tan Siew Sin menawarkan jawatan dalam kerajaan kepada Lim untuk mengelakkannya bergiat dalam pergerakan persatuan kaum Cina yang semakin meluas pengaruhnya. Sebenarnya, Lim dan rakan-rakannya Alex Lee, Tan Tiong Hong dan lain-lain telah diarah oleh Tan Siew Sin supaya berusaha untuk menyatupadukan kesemua badan dan pertubuhan Cina di bawah MCA dan menyokong Tan sendiri sebagai pemimpin kaum Cina yang terulung di Malaysia. Lama kelamaan, Tan mendapati golongan Lim Keng Yaik ingin menyatukan semua pertubuhan Cina di bawah satu pertubuhan bukan politik yang tidak mahu berpandu kepada mana-mana parti politik di negara ini. Perbuatan golongan muda ini telah menyeleweng dari kehendak Tan dan lain-lain pemimpin MCA seperti T.H. Tan dan Lee Siok Yew. Untuk menyekat Lim dalam berhubung rapat dengan golongan pertubuhan ini, ini bukan saja diberikan jawatan dalam kerajaan oleh Presiden MCA itu tetapi telah diarahkan untuk mengadakan berbagai latihan kepimpinan kepada penduduk Cina di kampung baru terutamanya Perak.

Dalam jangkamasa yang pendek saja, Lim yang dilantik sebagai menteri itu telah mendapati yang Tan Siew Sin walaupun sebagai Presiden tetapi tidak mendapat sokongan kuat dari ahli biasa "grass root" MCA. Sebaliknya, kemasyhuran Lim dan golongan "reformist" makin meningkat dalam masyarakat Cina yang menimbulkan

niatnya untuk mencabar Tan Siew Sin dalam pilihan parti tahun 1973. Lim Keng Yaik yang memperolehi sokongan penuh dari Tan Siew Sin tidak mengkritiknya dengan secara terang. Sebagai permulaan beliau dan ahli golongan "reformist" yang lain menyerang Lee San Choon (Timbalan Presiden) dan Kuan Woon Wah (Setiausaha Agung) serta veteran-veteran parti yang lain. Mereka melakukan kritikan melalui perhimpunan perhubungan MCA Perak dan "The Sin Hon Group" - satu golongan pemuda-pemudi yang diketuai oleh golongan "reformist". Mereka mendesak supaya perubahan dan pembaharuan dilakukan dalam parti dan menyeru pemimpin lama MCA mengosongkan jawatan masing-masing untuk memberi peluang kepada pemimpin muda yang agresif demi kepentingan parti dan perpaduan masyarakat Cina secara umum. Mereka juga menentang cadangan Tun Razak untuk memperluaskan gabungan Perikatan dengan parti-parti pembangkang seperti Gerakan, PPP dan lain-lain. Sementara pemimpin MCA yang lain mengisytiharkan sokongan penuh mereka kepada Tun Razak untuk berbuat demikian. Golongan muda (juga digelar Young Turks) ini menuduh Tan Siew Sin menerima orang Tun Razak dengan keputusan diri sendiri sahaja. Tuduhan sebegini telah mendapat berbagai kritikan dan pemimpin pusat parti yang lain, yang berpendapat konflik dalam parti harus diselesaikan dalam bilik mesyuarat tetapi bukan dengan siaran di akhbar. Kemudian atas cadangan kebanyakan pemimpin pusat parti Tan Siew Sin telah menarik balik lantikannya kepada Lim Keng Yaik sebagai Ketua Jawatankuasa Perhubungan di Perak pada 26hb. Ogos 1972. Selepas

itu satu jawatankuasa khas telah didirikan untuk mengkaji dan menguruskan segala urusan MCA di Perak dengan Tan sendiri sebagai Ketua Negeri Perak sehingga tahun 1973, bulan Mei di mana Mak Hon Kam (penyokong kuat Lee San Choon) dilantik sebagai Ketua MCA Perak.

Tindakan Tan yang memberhentikan jawatan Lim sebagai Ketua di Perak telah menyebabkan konflik dan perbalahan antara golongan muda dan pemimpin pusat parti bertambah teruk. Maka Tan dikatakan terpaksa menggunakan kuasanya untuk membubarkan kelas "reform movement" Perak yang dikendalikan oleh golongan Lim Keng Yaik pada akhir tahun 1972 di samping mengemukakan keputusan pusat parti untuk memutuskan perhubungan dengan kumpulan "Sin Hon" yang telah didirikan oleh Lim Keng Yaik sejak Mei 1971 lagi. Bersama dengan pengisytiharan ini beberapa orang pemimpin dari golongan "Young Turk" ini termasuk Paul Leong telah dipecat dari parti.

Pertentangan antara golongan berkuasa parti MCA (Tan Siew Sin, Lee San Choon dan sebagainya) dengan golongan "Young Turks" ini sampai ke satu tahap yang lebih hangat dan terbuka setelah perhimpunan perbincangan politik MCA di Johor Bahru pada akhir bulan April 1973. Dalam perhimpunan tersebut, Lim Keng Yaik dan penyokong kuatnya Yong Pung How telah menuduh pemimpin pusat parti yang lain mempermainkan politik dan tidak berpendirian tegak untuk menjaga kepentingan parti dan masyarakat Cina, kerana mereka hanya berpolitik demi kepentingan diri sendiri. Mereka berdua menyeru

supaya kumpulan pemimpin pusat parti yang lama itu meletakkan jawatan masing-masing demi kepentingan dan masa depan negara dan bangsa.¹ Perbuatan mereka ini telah menyebabkan kedua-dua dipecat dari MCA pada awal bulan Jun. Sebelum itu penyokong-penyokong Lim Keng Yaik kebanyakannya telah dipecat sementara cawangan-cawangan yang menyokongnya pula diberhentikan oleh Tan Siew Sin. Dalam usaha untuk memisahkan Michael Chen, Alex Lee dan Tan Tiong Hong dari Lim Keng Yaik, mereka telah diberikan jawatan parti yang baru oleh Tan walaupun kedua yang kemudian ini telah meninggalkan MCA untuk menyertai Gerakan. Sebelum dipecat, Lim Keng Yaik telah meletakkan jawatannya sebagai Senator dan Menteri kerana beliau sedar yang dirinya parti akan disuruh untuk berbuat demikian oleh pusat parti MCA.

Lim Keng Yaik yang telah dipecat dari MCA telah mensifatkan Tan Siew Sin sebagai "dictator" yang membawa parti MCA ke arah "kehancuran" dan menyebabkan masyarakat Cina mengalami kegelisahan dan kebimbangan dalam persidangan akhbar.² Dalam sidang akhbar yang sama beliau juga mengatakan dirinya dipecat kerana Tan Siew Sin takut terhadap cabaran dari golongan muda di dalam parti. Sehingga perikatan ini golongan "reformist" dalam MCA telah dipecah-belahkan

¹The Political Career of Datuk Lee San Choon (dalam Bahasa Cina), m.s. 174 - 175.

²Sin Chew Jit Poh, m.s. 55, 3hb. Jun 1973.

oleh Tan Siew Sin dengan tindakan pemecatan atau pembekuan cawangan di samping menggunakan pengaruhnya dalam akhbar tempatan supaya tidak menyiarkan berita dan artikel dari kem Lim Keng Yaik. Lim Keng Yaik yang rasa dirinya kehilangan peluang untuk berkuasa dalam MCA telah menyertai parti Gerakan dengan Paul Leong yang kemudiannya diikuti oleh Alex Lee dan Tan Tiong Hong.

Pada masa yang sama, MCA di bawah rancangan Lee San Choon (Timbalan Presiden) telah mengadakan berbagai perhimpunan dengan pemimpin pertubuhan Cina di semua peringkat di seluruh negara untuk mengukuhkan kedudukan barisan pimpinan di samping menghapuskan pengaruh buruk yang ditinggalkan oleh gerakan reformasi yang dilakukan oleh Lim Keng Yaik. Penulis berpendapat kegagalan golongan Lim Keng Yaik untuk menumbangkan barisan pimpinan lama MCA kerana kelemahan golongan ini sendiri di samping tidak mendapat sokongan dari pemimpin MCA yang lain mahupun sokongan yang luas dari masyarakat Cina melainkan di Perak. Peristiwa ini juga menunjukkan perkembangan kuasa Lee San Choon dalam MCA pada awal tahun 70an yang akhirnya membawa beliau ke kemuncak dengan mengambil alih jawatan Presiden dari Tan Siew Sin yang bersara pada tahun 1974.

3.2 Krisis Dalam MCA Tahun 1970an - Michael Chen Melawan Lee San Choon

Sebelum pergi ke krisis antara Lee San Choon dan Michael Chen, penulis rasa mengulaskan sepintas lalu bagaimana Michael Chen berjaya menjadi No. 2 dalam MCA. Telah disebut di atas bahawa

apabila Tan Siew Sin meletakkan jawatannya dalam MCA dan kerajaan, Lee San Choon telah dilantik sebagai Pemangku Presiden manakala Lee Siok Yew pula dijadikan Pemangku Timbalan Presiden pada tahun yang sama. Jawatan kedua-dua Lee ini diiktirafkan dalam pilihan parti tahun 1975 tanpa cabaran dari sesiapaupun.

Lee Siok Yew walaupun sebagai Timbalan Presiden tetapi tidak banyak menjalankan kegiatan yang berpengaruh besar dalam parti. Beliau pernah dikatakan oleh beberapa pemerhati politik ketika itu sebagai seorang yang tidak berpendirian tegas, kurang agresif dan kekurangan kualiti kepimpinan. Lee San Choon setelah memegang jawatan Presiden telah mula meningkatkan imejnya dalam parti dan masyarakat dengan berbagai rancangan pembangunan dan perkembangan antaranya seperti menuduhkan Syarikat Multi-Purpose, Koperasi Serbaguna Malaysia (KSM), Wisma MCA, memperkembangkan Kolej Tunku Abdul Rahman, menjalankan 5 Rancangan MCA dan lain-lain.³ Semua rancangan ini bukan saja memperluaskan penubuhan MCA tetapi juga menambahkan bilangan penyokong Lee San Choon dalam parti. Pertambahan kuasa yang diberikan kepada Presiden menyebabkan pengaruh Lee San Choon berkembang pesat dalam MCA berbanding dengan Lee Siok Yew yang makin merosot kerana tidak memainkan peranan

³Chong, Political Career of Datuk Lee San Choon, m.s. 25, MCA 1983.

penting dalam pentadbiran parti.⁴ Maka secara beransuran, perhubungan baik antara dua Lee ini berubah menjadi tegang dan perselisihan antara mereka semakin kelihatan.

Perhubungan antara dua Lee ini telah retak akibat pilihan parti pada tahun 1977. Lee San Choon yang ingin menggantikan Lee Siok Yew dengan penyokongnya Chong Hon Nyan telah mengarahkan yang kemudian untuk bertanding dalam jawatan Timbalan Presiden dalam pilihan parti tersebut. Pada masa yang sama, Michael Chen sebagai Naib Presiden dengan tidak diduga juga telah dicalonkan untuk jawatan yang sama oleh penyokongnya. Lee San Choon yang tidak mahu perebutan 3 penjurong berlaku telah meminta Lee Siok Yew menarik diri dan memberi sokongan penuh kepada Chong. Selepas perundingan sulit yang panjang Lee Siok Yew akhirnya bersetuju untuk menarik diri dan membantu Chong dalam pilihan parti pada Ogos 1977.⁵ Maka tinggalah Michael Chen untuk bertemu dengan Chong Hon Nyan dalam pertandingan jawatan Timbalan Presiden yang juga disifatkan sebagai pusingan pertama perebutan kuasa antara Michael Chen dan Lee San Choon.

Khabar angin di dalam akhbar Cina tempatan mengatakan Lee Siok Yew sudi menerima cadangan Lee San Choon kerana beliau

⁴ Mengikut Perlembagaan MCA yang telah dipinda dalam masa Tan Siew Sin seorang Presiden parti berhak melantik ketua parti negeri dan memecat seseorang ahli jika difikirkan perlu. MCA 36 Tahun Dalam Pergolakan, m.s. 52, Berita Awam Sdn. Bhd., 1985.

⁵ Berita Harian, 12hb. Julai 1979.

telah diberikan kebaikan oleh Presiden MCA itu. Khabar angin yang bertambah hangat di saat-saat akhir sebelum hari pemilihan, Lee Siok Yew yang rasa nama baiknya terjejas membuat keputusan untuk berucap dan menjelaskan keadaan yang sebenarnya dalam perhimpunan agung parti.

Percubaan untuk menghalang Lee Siok Yew dari berucap kepada semua perwakilan sebelum pemilihan telah gagal dan akhirnya beliau diberikan satu masa yang singkat untuk berucap dalam perhimpunan itu. Dalam ucapannya, Lee Siok Yew menafikan yang beliau telah dirasuah oleh Lee San Choon tetapi beliau bersetuju untuk berbuat demikian demi kepentingan dan perpaduan parti. Secara tidak langsung beliau juga mensifatkan Lee San Choon sebagai orang yang gilakan kuasa dalam ucapan yang sama.⁶ Setelah mendengar ucapan Lee Siok Yew, ramai perwakilan bersimpati dengan dirinya dan ramai di antara mereka menunjukkan rasa tidak puas hati terhadap pemimpin parti dengan memberikan sokongan kepada Michael Chen. Ini menyebabkan Chen menang dengan majoriti yang lebih dari 300 undi (Chen mendapat 766 undi, sementara Chong mendapat 437 undi). Kemenangan Chen menunjukkan beliau mempunyai pengaruh yang tertentu dalam parti yang telah mendorong beliau untuk mencabar Lee San Choon dua tahun kemudian.

Setelah berjaya menduduki tempat kedua dalam parti, Michael Chen mendapati dirinya seringkali diasingkan dari pemimpin parti

⁶The National Echo, September 1979.

peringkat atasan dengan sengaja. Sebagai Timbalan, beliau jarang dijemput untuk memberi cadangan dan pendapat dalam dasar parti atau diundang untuk berucap di perhimpunan peringkat cawangan atau bahagian. Bagi Chen, beliau lebih suka kepada parti yang berbilang kaum tetapi bagi Lee San Choon sebagai UMNO wujud sebagai pengawal kepentingan kaum Melayu, MCA tidak akan menukar peranannya sebagai parti kaum Cina.⁷ Chen yang kelihatan lebih mesra dengan pertubuhan Cina jarang menentang cadangan mereka dengan secara langsung. Manakala, sejak 1969 lagi, Lee San Choon secara terang telah memberitahu kepada pertubuhan jawatankuasa pengurus Sekolah Cina Bersatu bahawa MCA tidak akan menyokong mana-mana pihak untuk menubuhkan satu universiti yang berdasarkan bahasa Cina demi kepentingan satu kaum saja. Michael Chen yang sering disekat oleh Lee San Choon dalam pentadbiran parti rasa dirinya patut membuat sesuatu untuk menjamin "political survival"nya. Melihatkan pengaruhnya yang semakin merosot berbanding dengan Lee San Choon, Chen telah buat keputusan untuk menandingi jawatan Presiden dalam pilihan parti 1979 yang akan datang. Setelah mengisytiharkan keputusannya untuk bertemu dengan Lee San Choon dalam pilihan parti nanti, Chen telah mengambil langkah untuk menjelaskan sebab-sebab beliau berbuat demikian. Kata beliau, "MCA kini telah berpecah kepada dua kem." Beliau mencabar Lee San Choon dengan harapan dapat menjamin satu

⁷Cheah, Perubahan Dalam Aliran Pemikiran Politik Bangsa Cina di Malaysia, m.s. 358, S.K. Cheah, 1984.

MCA yang lebih kuat dan bersatu selepas itu. Mengikut pendapatnya lagi, "tindakan yang pasif dan negatif akan membawa perpecahan yang berlanjutan kepada perpaduan MCA."⁸ Secara ringkas falsafah Michael Chen masa itu ialah - "Now or Never" yakni, sekarang atau tidak. Beliau nampaknya lebih suka berkorban dalam perjuangan besar-besaran dan terbuka berbanding dari hanyut begitu sahaja.⁹

Berhampiran dengan hari penamaan calon (30hb. Ogos 1979) Michael Chen telah mendapat sokongan Richard Ho yang ingin merebut jawatan Timbalan Presiden dalam pilihan parti yang sama. Richard Ho dalam satu sidang akhbar telah dilaporkan berkata, "beliau berganding bahu dengan Chen kerana kepercayaan dirinya terhadap kebolehan yang kemudian untuk memperbaiki imej dan memperkuatkan parti." Terdapat pendapat dari pemerhati politik yang mengatakan Richard Ho bersedia untuk berpakat dengan Michael kerana dirinya kekurangan sokongan di kalangan pemimpin cawangan serta ahli biasa dan beliau perlukan sokongan dari penyokong Chen. Terdapat pandangan yang lain mengatakan:

"Jelas kelihatan, Ho yang merupakan salah seorang daripada empat orang Naib Presiden (tiga orang yang lain terdiri daripada Mak Hon Kam, Neo Yee Pan dan Liew Sip Hon) bimbang dirinya mungkin dibubarkan jika Lee San Choon ingin menyokong Chong Hon Ngan untuk memegang jawatan yang sama."¹⁰

⁸ Renungan oleh Tan Sri Sheikh Abdullah, Berita Harian, 12hb. Julai 1979.

⁹ The National Echo, 3hb. September 1979.

¹⁰ Sin Ping Daily, 5hb. September 1979.

Apabila keputusan Chen dan Richard Ho disiarkan dalam akhbar berbagai reaksi diterima dari berbagai pihak terhadap tindakan mereka berdua. Seperti yang diduga ada yang menyokong, yang menentang juga tidak kurang jumlahnya. Sebagai contoh, bekas Timbalan Presiden MCA Lee Siok Yew telah menyuarakan pendapatnya tentang perebutan kuasa antara Lee dan Chen dengan mengatakan pilihan parti kali ini berkaitan dengan kehidupan MCA di masa depan. Beliau juga merayu kepada semua perwakilan supaya memilih dengan berhati-hati di samping menyeru supaya pembuangan undi dijalankan dengan secara bersih, "gentleman" dan jujur.¹¹ Di samping itu ramai pemimpin MCA di peringkat kebangsaan telah mengemukakan sokongan masing-masing kepada Datuk Lee San Choon. Antaranya seperti Chong Hon Ngan, Mak Hon Kam, Chan Siang San, Lee Kim Sai, Tan Koon Swan dan lain-lain. Berbanding dengan Lee San Choon, Chen banyak mendapat sokongan di peringkat bawah serta pertubuhan Cina. Setiap hari terdapat berita dari dua kem yang bertanding itu selepas Chen mengesahkan niatnya untuk mencabar Lee San Choon.¹²

¹¹Nanyang Siang Pau, 5hb. September 1979.

¹²Antara yang menarik adalah "sokongan terbuka kepada Lee San Choon dan Michael Chen - pemilihan Presiden dijangka hebat" (Muka Hadapan, Utusan Zaman, 3hb. September 1979), Berita Harian dengan kepala yang berbunyi "kempen rebut MCA rancak - dua pemimpin giat mencari sokongan" juga pada 3hb. September 1979, kepada Berita Straits Times pada hari yang sama pula berupa "Battle Lines Drawn in MCA Clash - It's loser loses all in the top contest" dan lain-lain lagi.

Suasana pertandingan dalam dua kem menjadi bertambah hangat menjelang hari pemilihan (9hb. September 1979) dengan iklan-iklan sokongan yang melayang di dalam akhbar tempat Cina setiap hari yang tidak kurang hebatnya jika dibandingkan dengan kempen pilihanraya umum. Keadaan yang ganjil dan pertama kali dalam sejarah MCA menunjukkan kekecewaan di kalangan masyarakat Cina terhadap MCA ketika itu. Dengan jelas ia memperlihatkan satu kenyataan di mana masyarakat Cina khasnya ahli MCA sendiri amat mengharapkan perubahan dapat dilakukan dalam MCA demi kepentingan komuniti.

Pilihan parti akhirnya berjalan dengan lancar pada tarikh yang dijadualkan pada 8hb. dan 9hb. September 1979 di bawah kawalan yang ketat. Di dalam perhimpunan tersebut para pemberita hanya dibenarkan membuat liputan semasa perasmian sahaja. Di samping berpuluh-puluh orang anggota kawalan keselamatan dan anggota polis simpanan yang dijemput untuk mengawal, ramai juga pegawai-pegawai MCA di Wisma MCA juga ditugaskan sebagai pengawal. Mengikut laporan kempen berbisik-bisik di luar Dewan Lee San Choon (tempat perhimpunan) telah dijalankan begitu hebat sekali merupakan satu yang amat berbeza dari pilihan parti yang lain.

Lee San Choon akhirnya telah menang dengan kelebihan 215 undi dalam pemilihan secara sulit. Lee mendapat 901 undi berbanding dengan Chen yang memperolehi 686 undi. Kegagalan Chen dalam pertandingan ini telah menimbulkan berbagai jangkaan terhadap

tindakan politiknya di kalangan pemerhati politik negara ini. Mereka hanya diberi jawapan beberapa jam kemudian apabila Chen mengikut langkah Lim Keng Yaik dan lain-lain dengan menyertai parti Gerakan. Maka Richard Ho yang telah menang dengan majoriti yang besar (bertemu dengan seorang pemimpin kawasan yang tidak berpengaruh) ditinggalkan berjuang bersendirian di MCA yang akhirnya telah meletakkan jawatan dalam parti dan kabinet (Menteri Buruh) pada tahun 1982. Selepas ketinggalan Michael Chen, puak Lee San Choon menjadi satu kuasa terulung dalam MCA. Semenjak itu penyokongnya telah berpecah kepada dua kem yang besar yang masing-masing diketuai oleh Neo Yee Pan, Mak Hon Kam dengan lain dan golongan Tan Koon Swan, Lee Kim Sai dan sebagainya yang telah membawa kepada tercetusnya krisis dalam parti MCA antara tahun 1983 hingga 1985.

3.3 Krisis Dalam MCA Tahun 80an - Tan Koon Swan Berjaya Mengalahkan Neo Yee Pan

Perebutan kuasa antara puak Neo dan Tan boleh diperlihatkan sejak Richard Ho bersara dari jawatannya sebagai Menteri Buruh dan Timbalan Presiden MCA pada 4hb. Ogos 1982. Penarikan Richard Ho dari bidang politik telah mengwujudkan satu keadaan "power vacuum" dalam parti yang menjadi sebutan antara kedua puak besar itu. Lee San Choon dengan persetujuan dari kebanyakan ahli jawatankuasa pusat telah melantik Neo Yee Pan sebagai Pemangku Timbalan Presiden pada 26hb. September 1982. Sebagai kompromi Tan Koon Swan yang selama ini bergiat dalam Multi-Purpose dan KSM telah dilantik untuk

mengambilalih jawatan lama Neo sebagai Naib Presiden. Neo mendapat kenaikan pangkat yang baru pada sembilan bulan kemudian apabila Lee San Choon meletakkan semua jawatannya dalam parti dan kabinet pada 25hb. Mac 1983.

Untuk mengukuhkan kedudukannya dalam parti, Neo yang baru saja menjadi Pemangku Presiden telah melantik Mak Hon Kam sebagai Pemangku Timbalan Presiden dan memperhatikan kelas-kelas kepimpinan yang dianjurkan dengan pimpinan Lee Kim Sai. Secara tidak langsung, tindakan ini telah mengurangkan pengaruh Lee Kim Sai, Kee Yoong Wee, Tan Koon Swan, Wong Choon Wing yang merupakan penceramah popular dalam kelas kepimpinan yang sedemikian rupa.

Kemudiannya pada 8hb. Mei 1983, Neo telah melancarkan satu rancangan besar "The Eight Point Plan" yang sebenarnya merupakan lanjutan dari "The Party's Ten Projects" yang telah dilancarkan oleh bekas Presiden Lee San Choon. Dalam rancangan ini, kumpulan Tan Koon Swan telah ditinggalkan dari apa-apa jawatan yang penting yang menambahkan ketidakpuasan di dalam kem Tan Koon Swan. Pada masa yang sama, isu anggota palsu dalam parti menjadi hangat kerana kumpulan Tan telah meminta supaya ditubuhkan satu jawatankuasa khas untuk mengkaji masalah ini. Neo yang tidak mahu berbuat demikian telah sengaja melengah-lengahkan jawapannya terhadap segala pertanyaan dari puak Tan ataupun menghalang usaha yang demikian untuk menyiasat isu tersebut.

Akibat dari reaksi dingin dari kem Neo, kumpulan Tan telah mengemukakan masalah anggota palsu dalam akhbar di samping menghantar satu petisyen dengan tandatangan 15 orang ahli jawatankuasa pesat kepada Setiausaha Agung Parti - Chong Hon Ngan pada 17hb. Mac 1984 meminta supaya satu perhimpunan agung luar biasa diadakan untuk membincangkan masalah anggota palsu. Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat, puak Koon Swan telah berulang kali meminta supaya senarai ahli (master list) tentang pengambilan ahli baru yang telah menghadiri kelas-kelas orientasi diberi kepada mereka. Walaupun mereka telah diberitahu yang "master list" itu akan dikemukakan pada Januari atau Februari 1984 tetapi kemudiannya pihak Neo menyatakan yang senarai itu akan hanya disediakan pada 13hb. Mac 1984 kerana gangguan bekalan elektrik dan air di Wisma MCA.¹³

Neo Yee Pan yang tidak tertahan dengan desakan dari puak Tan telah mengambil tindakan untuk memecat 14 orang tokoh MCA termasuk Tan Koon Swan, Lee Kim Sai, Kee Yoong Wee, Ling Liang Sik dan 10 orang lagi yang telah menandatangani petisyen yang disebut awal tadi. Hari ini disifatkan oleh ramai ahli MCA sebagai "hari matinya demokrasi MCA" bersama dengan 19hb. Mac 1984 hari 14 orang tokoh itu dipecat.

¹³ Ho Kim Chai, Malaysian Chinese Association, Leadership Under Siege, m.s. 85, Ho Kim Chai, 1985.

Pemecatan ini telah menimbulkan banyak kritikan terhadap tindakan Neo di kalangan ahli MCA dan masyarakat Cina. Mereka yang terkejut dengan pemecatan 14 orang tokoh MCA telah bertindak menentang keputusan itu. Mak Hon Kam sebagai ketua jawatankuasa disiplin parti telah memberi amaran di samping mengenakan tindakan terhadap mereka yang menentang Neo tetapi tidak juga dapat mententeramkan kemarahan ahli-ahli MCA.

Penyokong-penyokong puak Tan di bawah arahan pemimpin mereka telah mengemukakan satu petisyen meminta pucuk pimpinan untuk mengadakan satu perhimpunan perwakilan luar biasa pada 29hb. April 1984 dengan tandatangan dari 1,499 orang perwakilan dalam dua hari selepas tindakan pemecatan dikenakan ke atas Tan dan lain-lain. Bila ditanya, bagaimana penyokong puak Tan dapat menemui begitu ramai perwakilan yang bertempat di seluruh Semenanjung, Kee Yong Wee berkata "semua ini menunjukkan sokongan yang kuat dan hampir menyeluruh di kalangan ahli MCA untuk membawa perubahan baru dalam MCA dan penentang mereka terhadap tindakan pemecatan itu adalah tegas sekali.¹⁴ Mengikut Perlembagaan MCA, dengan permintaan daripada satu pertiga dari jumlah kesemua perwakilan (2,526) adalah mencukupi untuk mengadakan satu perhimpunan luar biasa (EGM). Koon Swan juga mengisytiharkan keputusan 13 orang ahli jawatankuasa pusat (yang telah dipecat oleh Neo) termasuk dirinya untuk menarik balik petisyen

¹⁴ Temuramah dengan Datuk Kee Yong Wee, Disember 1986.

pertama yang memanggil satu EGM) pada 22hb. April untuk membolehkan petisyen yang kedua ini dikemukakan.

Sementara menunggu jawapan dari puak Neo, ramai lagi penyokongan puak Tan dipecat atau aktiviti cawangan yang pro- Tan diberhentikan oleh Mak Hon Kam atas alasan melanggar disiplin. Puak Neo yang terima menerima petisyen yang kedua itu sengaja mempersoalkan kejituannya. Malahan mereka telah melancarkan satu kempen kebangsaan untuk memujuk mereka (yang telah menandatangani petisyen) supaya menarik diri. Tanpa duduga, tindakan puak Neo ini mengakibatkan penentangan yang lebih kuat dari puak Tan. Apabila mendapati nasihat dan pujukan mereka tidak berhasil, puak Neo telah menuduh bahawa terdapat tandatangan yang palsu dalam petisyen tersebut. Mereka juga mengatakan yang ada di antara perwakilan dipaksa oleh puak Tan untuk menandatangani petisyen itu.

Di dalam kem Tan Koon Swan pula, dilaporkan bahawa penyokong Neo, Tan Tiong Hong yang memegang jawatan sebagai Timbalan Menteri Pelajaran menasihatkan perwakilan yang bertugas sebagai guru untuk mengasingkan diri dari puak Tan, jika tidak mereka boleh dikenakan tindakan. Walaupun begitu tidak seorang pun yang menarik diri dari petisyen itu. Dalam masa yang sama, pemilihan pemimpin cawangan telah dimulakan di beberapa negeri. Mengikut laporan akhbar pada 22hb. Mac 1984, dua orang ahli Dewan Undangan Negeri Lim Ik Kim (Johor) dan Chin Ngok Soo (Penang) yang pro- Yee Pan telah dikalahkan

oleh penyokong Tan dalam pemilihan cawangan. Untuk menjamin kemenangan kepada calon pro - Yee Pan, pencabar-pencabar yang pro - Koon Swan kebanyakannya dipecat dari parti selepas saja proses penamaan calon dijalankan. Tuduhan sebegini terhadap puak Neo terdapat di mana-mana cawangan dan kawasan.

Di samping itu terdapat seruan yang luas di kalangan pemimpin pertubuhan Cina bersama dengan tokoh-tokoh MCA yang lain supaya Lee San Choon (bekas Presiden) dijemput untuk menjadi orang tengah dalam pergolakan kuasa ini. Pada 5hb. April, Lee San Choon yang telah balik ke Kuala Lumpur dengan tiba-tiba telah menunjukkan yang seruan dari pihak pertubuhan Cina adalah benar. Sementara usaha dijalankan untuk membawa kedua puak yang bertentangan ini ke meja bulat, sokongan terbuka dari cawangan, kawasan serta perseorangan diterima di kem masing-masing.

Dengan tidak disangka Lee San Choon telah mengisytiharkan kegagalan beliau dalam usaha membawa kedua tokoh MCA itu untuk menandatangani perjanjian perdamaian dan beliau mengalahkan Yee Pan kerana sikapnya yang tidak mahu berkompromi pada 23hb. April 1984. Beliau juga menyeru supaya semua perwakilan parti untuk menghadiri EGM yang dijadualkan pada 29hb. April.¹⁵

¹⁵ Ho Kim Chai, Leadership Undersiege, m.s. 107, Ho Kim Chai, 1985

Pada keesokan hari pusat parti MCA telah mengeluarkan satu kenyataan menuduh Datuk Lee San Choon cuba merancang satu pergerakan untuk menjatuhkan Neo kerana dirinya ingin kembali sebagai Presiden MCA atas sebab-sebabnya sendiri. Mereka juga mensifatkan seruan Lee kepada perwakilan untuk menghadiri EGM sebagai tindakan "cuba meletakkan keinginan dirinya ke atas parti". Mereka akhirnya menambah bahawa "yang paling berkuasa dalam parti adalah perlembagaan yang terletak di tangan Presiden.

EGM yang dijadualkan pada 29hb. April telah ditangguh sehingga 5hb. Mei 1984 atas nasihat pihak polis kerana puak Neo juga akan mengadakan mesyuarat di tempat dan hari yang sama. Terdapat pandangan bahawa Dr. Mahathir dan Lee San Choon mempunyai pandangan yang sama dalam usaha untuk menyelesaikan pergolakan MCA. Mengikut cadangan Lee yang dikemukakan kepada 2 puak - seorang Presiden interview, menarik balik keputusan pemecatan terhadap 14 orang tokoh dan menubuhkan satu jawatankuasa ad-hoc untuk menyiasat isu anggota palsu. Cadangan ini telah ditolak oleh puak Neo dan menuduh beliau bercampur tangan dalam pentadbiran partinya.

EGM berjaya diadakan pada 6hb. Mei di Hilton Kuala Lumpur, jam 10.00 pagi dan dihadiri oleh 1,616 orang perwakilan (tidak termasuk 14 orang tokoh dan 55 orang perwakilan yang telah dipecat kemudian). EGM ini telah meluluskan 7 resolusi di mana yang pertamanya supaya pemecatan atas 14 orang tokoh MCA dianggap tidak sah. Yang

kedua dan ketiga menubuhkan satu jawatankuasa ad-hoc untuk menyiasat isu anggota palsu dan menyiasat semua perkara berkenaan dengan keahlian dan menyusun senarai ahli parti seperti yang tercatat pada 31hb. Disember 1983 dan lain-lain lagi seperti memberhentikan pemilihan parti di semua peringkat dan menganggap segala pemilihan yang dijalankan antara Mac dan April tidak sah.

Pada hari yang sama puak Neo telah meraikan ulang tahun penubuhan parti yang ke 35 di Wisma MCA yang telah dihadiri oleh semua pemimpin puak Neo bersama lebih kurang 3,000 orang ahli MCA. Jumlah ini amat kecil berbanding dengan 20,000 yang dijangkakan oleh puak Neo. Pada 7hb. Mei, Tan Koon Swan mengetuai 10 orang ahli Parlimen dan 35 orang ahli Dewan Undangan Negeri berjumpa dengan Perdana Menteri yang telah mengulangi pendiriannya bahawa pemimpin MCA mesti menyelesaikan masalah "keluarga" atau parti dengan sendiri dan beliau tidak ingin campur tangan dalam hal tersebut.¹⁶ Dengan demikian hanya satu saja jalan yang masih tinggal bagi pihak Tan untuk menyelesaikan krisis parti - membiarkan mahkamah memutuskannya.

Pada keesokan hari, tiga orang penyokong Koon Swan membawa kes ini ke Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur dan meminta mahkamah untuk mengisytiharkan arahan pembekuan terhadap 32 cawangan di

¹⁶Lao Zhong, *The Struggle for the MCA*, m.s. 206, Pelanduk Publications, 1985.

Petaling Jaya dan Kuala Lumpur adalah tidak sah. Selepas itu lebih banyak kes yang mencabar pimpinan Neo dibawa ke mahkamah di lain-lain tempat seperti Pulau Pinang, Ipoh, Johor Bahru oleh penyokong Tan Koon Swan.

Pada 17hb. Mei, Chan Siang Sun telah meminta Mahkamah Tinggi supaya mengesahkan EGM yang berlangsung pada 6hb. Mei sebagai sah di samping mengarahkan pusat MCA untuk mempraktikkan keputusan yang tercapai dalam EGM itu. Selepas 3 hari pendengaran, mahkamah memberikan jawapan yang positif terhadap permintaan pihak Koon Swan untuk menyekat semua cawangan MCA dari menjalankan pemilihan dan menganggap EGM sebagai sah di segi undang-undang.

Puak Neo pula tidak mahu mengaku kalah dan telah mengisi satu kes pertahanan terhadap kes yang dibawa oleh pihak Tan. Chong Hon Nyan sebagai Setiausaha Agung mengatakan pemecatan terhadap semua ahli yang berkenaan dijalankan mengikut perlembagaan (constitution) parti dan mengalahkan pihak Tan kerana tidak membuat rayuan kepada jawatankuasa pusat sebelum membawa kes itu ke mahkamah.

Keadaan seolah-olah telah menjadi senyap di dalam kedua kem selama beberapa hari dan ia mendiamkan penyokong-penyokong puak Tan Koon Swan yang bimbang pemimpin mereka akan menarik diri dalam perjuangan ini. Koon Swan dalam satu sidang akhbar mengatakan beliau dan pemimpin lain akan berjuang sehingga krisis ini diselesaikan.

Sementara menunggu jawapan dari mahkamah, puak Neo telah mengadakan perhimpunan beramai-ramai mulai bulan Oktober 1984 di seluruh Semenanjung dengan tujuan untuk melemahkan semangat penyokong puak Koon Swan serta mendapatkan sokongan dari mereka yang merupakan "The Silent Majority". Pertelingkahan antara penyokong kedua pihak sering kedengaran di sana sini. Dipercayai bahawa Ghafar Baba sedang giat berhubung dengan kedua puak yang bertentangan itu untuk mencapai satu perjanjian pada jangkamasa tersebut.

Apabila laporan tentang kegagalan Ghafar Baba sebagai orang tengah disiarkan dalam beberapa akhbar Cina, Musa Hitam yang pada ketika itu berperanan sebagai Pemangku Perdana Menteri (Dr. Mahathir berada di luar negeri) telah mencadangkan supaya MCA menarik diri dari BN buat sementara waktu sehingga krisis partinya berjaya diselesaikan. Mengikut pandangan beliau lagi, krisis parti MCA bukan saja mengganggu pengurusan kerajaan tetapi juga membawa malu kepada pertubuhan itu sendiri. Cadangan Musa Hitam bukan saja tidak diterima oleh MCA tetapi juga ditentang oleh masyarakat Cina.

Satu persetujuan untuk berbaik semula antara kedua pihak telah dikemukakan bersama oleh Neo dan Koon Swan pada 23hb. Disember dan selepas itu kedua-dua pihak dan orang tengah, Ghafar Baba dalam usaha untuk mengelakkan diri dari pemberita telah meneruskan rundingan mereka di Hong Kong. Sehingga hari krisis MCA telah

berlangsung selama 9 bulan dan perundingan antara pihak dikatakan sedang berada dalam satu peringkat yang memuaskan.

Usaha Ghafar Baba mendatangkan hasil apabila kedua pihak bersetuju untuk berhenti mencaci antara satu sama lain. Satu persetujuan telah ditandatangani pada 30hb. Januari 1985 di bawah saksi beberapa orang pemimpin BN. Penyokong kedua pihak diarahkan berhenti dan membuat komen dalam akhbar. Antara perkara yang dipersetujui oleh kedua puak dalam perjanjian pendamaian ini adalah seperti menghapuskan anggota palsu dalam parti, menarik balik arahan pemecatan dan juga kes masing-masing dari mahkamah dan lain-lain. Perjanjian yang paling penting dan dianggap tidak adil bagi puak Tan ialah menubuhkan jawatankuasa pusat dengan 35 pemimpin yang mana 19 orang dari puak Neo dan 16 orang puak Tan, dengan syarat ahli jawatankuasa puak Tan tidak boleh bertanding untuk merebut jawatan Presiden dan Timbalan Presiden. Maka dengan jelas puak Neo masih berkuasa dalam pusat parti.

Walau bagaimanapun, perdamaian antara kedua puak tidak tahan lama. Pertelingkahan dan pengecaman antara dua kem menjadi hangat semula yang menyebabkan puak Tan mengambil keputusan untuk mengadakan satu lagi EGM supaya menyelesaikan krisis parti. Keadaan kacau bilau ini menyebabkan mahkamah akhirnya bertindak untuk menubuhkan satu jawatankuasa ad-hoc pada 10hb. Mei 1985 bagi menjalankan tugas parti MCA serta berusaha untuk menyelesaikan

krisis parti yang berpanjangan ini.

Jawatankuasa ini diketuai oleh Ghafar Baba dengan ahli-ahli dari kedua kem termasuk Mak Hon Kam, Tan Tiang Hong, Ling Liong Sik dan lain-lain. Syarikat Perakaman Peat, Marvick, Mitchell & Co. pula bertanggungjawab terhadap tugas Setiausaha.

Pada masa yang sama telah kelihatan pula perpecahan dalam kem Neo dengan Mak Hon Kam mengisytiharkan dirinya sebagai Pemangku Presiden MCA. Mak dalam mesyuarat tergempar ahli jawatankuasa pusat parti MCA (yang dipanggil oleh dirinya) telah mengisytiharkan dirinya sebagai Pemangku Presiden baru MCA menggantikan Neo dengan restu dan sokongan dari pemimpin BN. Antara pemimpin puak Neo yang mengikut Mak adalah Tan Tiang Hong, Rosemary Chong (ketua wanita MCA ketika itu), Chin Hon Nyan, Chong Hon Nyan dan Lim Sean Lian. Sehingga saat tersebut MCA telah berbelah bagi dalam 3 puak dengan pemimpin tertentu yang masing-masing mendakwa dirinya disokong oleh kebanyakan ahli parti. Kemudian Neo telah diberhentikan dari jawatannya sebagai Menteri Perumahan bermula pada 16hb. Ogos 1985. Walaupun begitu beliau dengan pantas bertindak terhadap perbuatan Mak dengan mengisytiharkan secara terbuka dalam akhbar menyatakan mesyuarat tergempar Jawatankuasa Pusat Parti yang dipanggil oleh puak itu tidak sah dan menekankan bahawa dirinya masih merupakan Pemangku Presiden MCA. Semua gejala ini berlaku di saat-saat akhir sebelum Dewan Tertinggi BN bertemu untuk menentukan

nasib MCA. Dalam mesyuarat itu, Mak yang baru saja mengisytiharkan dirinya sebagai pemimpin No. 1 MCA telah meminta supaya partinya diberi jangkamasa selama 3 bulan untuk menyusun parti supaya teratur, keagalannya bermakna MCA akan meninggalkan BN dengan rela hati. Ini secara tidak langsung telah menyelamatkan parti komponen BN terutamanya dari dituduh sebagai campur tangan dalam isu dalaman rakan partinya. Secara kebetulan pemimpin UMNO kebekalangan ini telah kerap berfikir untuk mendesak MCA keluar dari BN buat sementara waktu sehingga krisis parti itu diselesaikan.¹⁷ Pemimpin UMNO mula berfikir secara mendalam tentang penarikan MCA dari BN setelah beberapa orang rakan dan penyokong kuat Neo seperti Mak, Rosemary Chong, Chew Hock Thye (Ketua Pemuda MCA baru yang dilantik oleh Neo) dan Lim Sean Lian gagal memujuk Neo untuk meletakkan jawatannya sebagai Pemangku Presiden MCA yang selama ini dianggap sebagai batu penghalang dalam usaha untuk menyelesaikan krisis parti secara tidak langsung pemecatan Neo dari kabinet juga disebabkan oleh kedegilan dirinya.

Pertandingan untuk merebut sokongan dari ahli dan kuasa pemimpin menjadi bertambah rancak sejak wujudnya puak Neo dalam parti MCA. Saban hari, ada saja elemen baru yang dijadikan bahan dalam "perang mulut" antara 3 pihak untuk menyedapkan cerita dan mendapat sokongan dari ahli. Ghafar Baba sebagai Ketua Jawatankuasa

¹⁷Majalah Malaysia Business, November 1985.

ad-hoc yang dilantik oleh mahkamah juga telah dituduh oleh puak Neo dan Mak kerana dikatakan membocor disket komputer yang mengandungi senarai keanggotaan MCA kepada Dr. Ling Liong Sik - Setiausaha Jawatankuasa ad-hoc yang sama dan seorang ahli dari kem Tan Koon Swan.

Sungguhpun Ghafar Baba telah menafi dan mengatakan yang senarai nama ahli dari disket itu tidak akan digunakan dalam pemilihan yang akan dilangsungkan pada 24hb. November nanti. Neo dan Mak yang selama ini tidak sehaluan telah bersatu melaung supaya Ghafar Baba meletakkan jawatan dan menubuhkan jawatankuasa penyiasatan serta dibuat pula aduan polis juga agensi pencegah rasuah (BPR) serta pendaftar pertubuhan.¹⁸ Lee Kim Sai telah membuat dakwaan bahawa Neo dan Mak berbuat demikian untuk membantutkan pemilihan kerana tahu mereka akan kalah. Adalah dipercayai kem Tan Koon Swan telah memenangi lebih kurang 70% dari pemilihan delegasi ke pemilihan pemimpin peringkat kebangsaan. Sementara Neo hanya perolehi hampir 30% dengan Mak yang disifatkan sebagai "Neo Starter" hanya memperolehi tidak lebih dari 3% daripada jumlah kesemua undi dalam pemilihan di peringkat bahagian yang telah selesai. Mak dan Tan Tiong Hong telah meletakkan jawatan masing-masing dalam jawatankuasa ad-hoc pada 11hb. Oktober 1985 kerana kehilangan kepercayaan terhadap keadilan Ghafar Baba, kononnya. Mereka juga berhasrat untuk "boycott" pemilihan nanti.

¹⁸ Quo Vadis MCA?, Utusan Malaysia, m.s. 8, 13hb. November 1985.

Sejak dipecat dari kabinet, Neo telah giat menjelajahi seluruh pelosok tanahair dengan melaungkan slogan "maruah kaum" "kedaulatan MCA" dan "pemimpin MCA harus dipilih oleh ahli sendiri".¹⁹ Tanpa segan silu beliau juga menyebutkan campur tangan orang luar yang selama ini dimaksudkannya ialah Dr. Mahathir dan pemimpin bonekanya ialah "Mak Hon Kam".²⁰ Beliau juga menekankan bahawa dirinya akan terus memperjuangkan politik kaum Cina jika perlu dan tidak tunduk kepada kuasa atau tekanan dari luar. Perbuatan Neo yang sedemikian sungguh menghairankan komuniti Cina khasnya ahli-ahli MCA kerana selama ini, beliau tidak pernah bercakap demi kepentingan kaum Cina atau menunjukkan minatnya terhadap peristiwa dalam komunitinya sendiri.

Dengan kegigihan dan keazaman jawatankuasa ad-hoc di bawah pimpinan Ghafar Baba, pemilihan MCA peringkat kebangsaan telah berlangsung lancar pada 24hb. dan 25hb. November di Wisma MCA seperti yang ditetapkan. Ini juga menepati jangkamasa 3 bulan yang diberi oleh Dewan Tertinggi BN untuk MCA menyelesaikan krisisnyanya. Seperti yang diduga, puak Tan Koon Swan berjaya merebut pucuk pimpinan MCA dengan kemenangan majoriti. Puak Neo pula dikalahkan dengan teruknya di mana hanya beberapa orang saja anggotanya terpilih dalam pemilihan parti ini. Neo sendiri dengan Setiausaha Agung MCA, Yeoh Poh San

¹⁹Utusan Malaysia, m.s. 8, 13hb. November 1985.

²⁰Ibid.

serta beberapa orang penyokong kuatnya telah dikalahkan sama sekali. Kemenangan puak Koon Swan menjatuhkan pucuk pimpinan yang menguasai segala alat dan agen pentadbiran parti sungguh bererti dan merupakan satu peristiwa sejarah bagi MCA - sebuah parti politik yang masih terpengaruh dengan pimpinan zaman feodal. Inilah kali pertama kumpulan pencabar mencapai kejayaan besar dalam kepimpinan kebangsaan sejak kemenangan Lim Chong Eu yang dijatuhkan setahun kemudian dalam tahun 1959 - 1960.

Pucuk pimpinan yang baru dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Parti yang pertama telah membuat beberapa perubahan dalam perlembagaan parti. Antara perubahan-perubahan itu adalah seperti menghadkan bilangan perwakilan yang boleh dihantar oleh kawasan ke pemilihan pemimpin peringkat kebangsaan dengan tujuan untuk mengurangkan kemungkinan wujudnya anggota palsu dalam parti, mengurangkan kuasa pemecatan Presiden supaya beliau tidak dapat memecat ahli dengan sesuka hati dan lain-lain. Maka MCA mula dengan kepimpinan kolektif dengan slogannya "sama berusaha dan sama bertanggungjawab" seperti yang disarankan oleh Tan Koon Swan, Presiden barunya.

BAB IV

INTRA-PARTI DAN INTER-PARTI KRISIS MCA - UMNO PADA MASA LIM CHONG EU

Di samping krisis intra-parti yang telah banyak kali berlaku dalam MCA, parti ini juga terlibat dalam krisis inter-parti dengan parti komponen BN seperti UMNO. Krisis inter-parti MCA - UMNO telah berlaku atas dasar-dasar seperti dasar pelajaran, polisi ekonomi negara dan terutamanya atas masalah peruntukan kerusi dalam pilihan-raya umum. Kedua-dua parti UMNO dan MCA merupakan parti perkauman yang mewakili dua kaum besar iaitu UMNO untuk Melayu dan MCA untuk Cina di negara ini, sejak tertubuhnya parti-parti tersebut. Atas soal kedudukan politik dalam kerajaan serta untuk mendapatkan sokongan majoriti dari komuniti masing-masing, kedua-dua parti terpaksa berusaha untuk memuaskan serta meyakinkan ahli mereka yang sering mengakibatkan konflik antara kedua parti. Walaupun begitu kebanyakan konflik yang pernah timbul itu merupakan masalah kecil yang selalunya dapat diselesaikan dengan sikap kerjasama dan bertolak ansur melalui perundingan antara pemimpin kedua parti. Di bawah ini hanya dibincangkan tentang krisis inter-parti MCA - UMNO yang dianggap paling "serious" yang berlaku dalam tahun 1959 semasa Lim Chong Eu menjadi Presiden MCA.

Seperti yang disebutkan dalam Bab I dan II, Lim Chong Eu berjaya merebut teraju pimpinan MCA dari Tan Cheng Lock dalam tahun

1958. Sebelum pemilihan parti dijalankan pada 23hb. Mac 1958, puak Tan Cheng Lock, Tan Siew Sin, Ong Yoke Lin dengan terangnya telah mengkritik puak Henry Lee, T.H. Tan dan Leong Yew Koh. Perebutan antara puak ini menyebabkan Tan Cheng Lock tidak menyedari kebangkitan puak Lim Chong Eu yang makin berpengaruh dalam parti. Dalam pilihan parti tersebut puak Henry Lee secara sulit telah memberikan bantuan kepada Lim Chong Eu yang menyebabkan segolongan pemimpin muda berjaya menguasai parti itu.

Setelah kemenangan itu, Lim Chong Eu telah memperkenalkan pandangan dan pendirian politiknya yang meletakkan kepentingan negara di tempat pertama yang diikuti dengan kepentingan parti dan bangsa. Mengikut beliau setiap orang harus meletakkan kepentingan negara melebihi segala kepentingan lain untuk menjamin keharmonian antara kaum. Cadangan Lim ini menimbulkan berbagai kritikan terhadapnya dari berbagai pertubuhan Cina yang mengatakan MCA sebagai parti pembela kaum Cina harus menjaga kepentingan komuniti dahulu.

Walaupun Lim telah berjaya merebut kuasa dari Tan Cheng Lock tetapi puak Tan Siew Sin masih merupakan puak yang berkuasa dalam parti. Mengikut perlembagaan MCA masa itu, ketua parti negeri dipilih oleh ahli masing-masing dan tidak dikuasai oleh pusat parti. Tan Siew Sin dan Ong Yoke Lin, masing-masing merupakan Ketua Negeri di Melaka dan Selangor dan juga Naib Presiden. (Mengikut Perlembagaan MCA - Ketua Negeri akan menjadi Naib Presiden dengan serta merta).

Ini memperlihatkan bahawa kuasa lama masih kuat dalam parti. Keadaan ini menyebabkan Lim walaupun sebagai Presiden mendapati dirinya sukar untuk menjalankan aktiviti yang selaras di semua negeri. Lim dan rakan-rakannya yang tidak memegang jawatan dalam kerajaan Perikatannya juga rasa sukar untuk menjalin hubungan yang baik dengan pemimpin UMNO berbanding dengan puak Tan Siew Sin yang kebanyakannya merupakan Menteri dan Timbalan Menteri dalam kabinet. Secara tidak langsung ini menyebabkan pusat parti MCA di bawah pimpinan Lim Chong Eu telah berjauhan dengan pemimpin Perikatan seperti Tun Abdul Rahman yang menimbulkan ketegangan antara UMNO dan MCA yang akhirnya mengakibatkan kejatuhan Lim setelah berkuasa selama 18 bulan. Kejatuhan ini telah menyebabkan Lim Chong Eu terpaksa meletakkan jawatannya sebagai Presiden MCA pada 15hb. September 1959 dan kemudiannya meninggalkan parti itu dalam tahun 1961. Walau bagaimanapun Lim Chong Eu hanya menubuhkan sebuah parti baru - United Democratic Party dalam bulan April 1962 bersama dengan Quek Kai Dong, Chin See Yin (bekas ahli MCA), Haji Abdul Hamid Bin Haji Ishak (bekas pemimpin IMP) dan lain-lain yang kemudiannya telah bertukar kepada Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan) setelah bergabung dengan beberapa parti pembangkang yang lain pada tahun 1968.

Perlu diterangkan juga MCA dibahagikan kepada 2 puak sejak penubuhannya iaitu pihak yang berpendidikan Inggeris yang berhubungan rapat dengan pihak penjajah dan UMNO dan pihak yang merupakan pemimpin

dari badan kebajikan dan perdagangan Cina yang tidak dipentingkan oleh pihak kerajaan. Golongan yang kedua ini mendapat sokongan dari kebanyakan ahli biasa berbanding dengan golongan utama yang dianggotai oleh Tan Cheng Lock, anaknya Tan Siew Sin, T.H. Tan, Leong Yew Koh dan lain-lain. Sementara golongan kedua pula dianggotai oleh orang-orang seperti Lau Pak Khwan (pemimpin Cantonese Perak), Yeoh Kian Teik (pemimpin Hokkien Perak), Tong Joo Hing (Ketua KAMM Hainan Perak) dan lain-lain pemimpin yang kebanyakannya dari Perak dan berpendidikan Cina di samping fasih dalam bahasa Inggeris.

Oleh kerana latarbelakang yang sedemikian, adalah lebih mudah bagi kumpulan kedua ini untuk memahami permintaan kaum Cina terutamanya pertubuhan guru dan pengurus Sekolah Cina Bersatu yang meminta supaya bahasa Mandarin dijadikan salah satu dari bahasa rasmi di samping bahasa Melayu dan Inggeris. Mereka juga menentang Ordinan Pelajaran 1952 yang bertujuan untuk mengwujudkan satu sukatan pelajaran yang seragam bagi semua sekolah di Malaya. Ordinan ini ditafsirkan oleh golongan jenis persatuan sebagai langkah untuk membinasakan pendidikan Cina. Telah disebutkan juga dalam bab yang lalu, Lau Pak Khuan dan beberapa orang ahli MCA telah dipecat kerana menghantar satu memorandum kemerdekaan yang berasingen ke London.¹

Lim Chong Eu yang dipilih menjadi ahli jawatankuasa pusat mulai tahun 1957 merupakan salah satu ahli daripada golongan baru

¹Malaysia, Sejarah dan Proses Pembangunan, m.s. 273, Longman.

(antara golongan 1 dan 2) dalam MCA. Mereka ini walaupun berpendidikan Inggeris tetapi boleh berkomunikasi dalam bahasa Cina dan boleh berhubung dengan kebanyakan masyarakat Cina yang berpelajaran Cina. Lim yang tidak puas hati dengan pimpinan Tan Cheng Lock dan keadaan MCA telah mula berusaha untuk merebut kuasa dari yang kemudian sejak awal tahun 1957 lagi. Perselisihan antara Henry Lee dengan Tan Cheng Lock dan rasa ketidakpuasan terhadap barisan pimpinan MCA di kalangan ahli biasa telah menyediakan satu keadaan yang menguntungkan Lim Chong Eu.

Perhubungan longgar antara pemimpin MCA dengan UMNO telah beransur mengwujudkan perselisihan antara kedua kaum parti sejak tahun 1952. Perselisihan ini mencapai satu kemuncak apabila sepucuk surat dari Lim Chong Eu kepada Tunku Abdul Rahman disiarkan dalam akhbar pada Julai 1959. Dalam surat itu, Lim meminta supaya partinya diperuntukkan 40 kerusi Parlimen dalam pilihanraya umum yang akan datang dan dasar pelajaran disemak semula. Menurut beliau, 40 kawasan tersebut merupakan kawasan kediaman kaum Cina. MCA berbuat demikian kerana mereka sangat ingin mendapatkan satu pertiga kerusi dalam Parlimen supaya sokongan MCA diperlukan untuk membuat apa-apa pindaan perlembagaan.²

Tunku telah bertindak dengan serta merta terhadap Lim dengan mentafsir tindakan sebagai niatnya untuk keluar dari Perikatan.

²Malaysia, Sejarah dan Proses Pembangunan, m.s. 282, Longman.

Tunku juga mengatakan beliau tidak akan bekerjasama dengan MCA di bawah pimpinan Lim Chong Eu, sebaliknya beliau lebih bersedia untuk membantu puak Tan Siew Sin dalam apa jua keadaan. Tunku mengambil keputusan untuk memutuskan hubungan dengan (MCA ataupun) golongan Lim Chong Eu dan mengisytiharkan secara terbuka yang beliau sedia bekerjasama dengan MCA walaupun ia terdapat hanya 5 orang ahli asalkan mereka menyokong Perikatan.³ Ahli dan pemimpin UMNO secara amnya rasa terganggu dan marah akibat tindak-tanduk penyokong-penyokong Lim Chong Eu. Oleh itu ramai di antara mereka menyeru supaya MCA dikeluarkan dari Perikatan dan mereka yang bertanggungjawab dalam menimbulkan konflik dalam Perikatan (penyokong Lim Chong Eu) dipecat dari MCA.

Keadaan yang tegang antara Lim Chong Eu dengan pemimpin UMNO memberi peluang kepada puak Tan Siew Sin untuk bergiat semula dalam pentadbiran MCA. Mereka mengecam Lim Chong Eu kerana menimbulkan konflik dalam Perikatan dan memberikan sokongan penuh kepada Tunku. Kritikan terbuka antara kedua puak Lim dengan Tan kelihatan di mana-mana.

Chong Eu sedar dirinya berada di persimpangan yang merumitkan. Untuk mendapatkan keputusan sama ada keluar dari Perikatan atau menerima syarat Tunku dengan tawaran 31 kerusi Parlimen, beliau telah

³T.A. Rahman, "As I See It", STAR.

mengadakan satu perhimpunan perwakilan di peringkat kebangsaan. Tan Cheng Lock sebagai Presiden Kehormat menentang cadangan untuk keluar dari Perikatan dan berdiri bersama puak anaknya. Kata beliau, "dalam masyarakat yang berbilang bangsa, pemikiran perkauman akan membawa kepada perbelahan antara kaum." Jadi saya menyebut kepada mereka yang berfikiran waras dan betul memberikan sokongan kepada Perikatan, perlaksanaannya satu pemimpinnya Tunku.⁴ Disebabkan sebahagian besar daripada perwakilan setuju menerima syarat-syarat Tunku yang bermakna mereka telah meletakkan undi tidak percaya terhadap Lim Chong Eu. Dalam keadaan ini, dengan jelasnya puak Lim telah kehilangan kuasa memimpin, maka ramai di antara penyokong Lim Chong Eu yang meletakkan jawatan parti atau keluar dari parti. Antara yang meletakkan jawatan pusat parti adalah Tong Joo Hing (Setiausaha Agung MCA), Yong Phang How (Ketua Jabatan Publisiti MCA) dan beberapa orang lain lagi. Mereka tidak seharusnya menyerah diri dan kembali ke barisan Perikatan tetapi ia harus bertanding bersendirian dalam pilihanraya yang akan datang itu.

Walau bagaimanapun Lim sendiri tidak bertindak seperti penyokongnya tetapi menerima keputusan kebanyakan perwakilan dan terus berunding dengan Tunku. Tetapi Tunku juga terus menolak untuk berunding dengannya. Dalam hal pemilihan calon MCA bagi pilihanraya Tunku telah memilih untuk berunding dengan Tan Siew Sin, Ong Yoke Lin

⁴ Nan Gung Er, MCA 36 Tahun Dalam Pergolakan, m.s. 19, Berita Awam Sdn. Bhd., 1985.

dan T.H. Tan yang merupakan Setiausaha Agung Perikatan tetapi bukan dengan Lim yang masih merupakan Presiden MCA. Lim juga tahu dirinya tidak akan dipilih untuk bertanding dalam pilihanraya itu.

Secara kebetulan, tiga hari sebelum pencalonan Tunku telah mengemukakan satu senarai calon MCA dan menepati janji untuk menambahkan 3 kerusi kepada MCA berbanding dengan 28 kerusi yang diperuntukkan awal-awal lagi. Jadi MCA akan bertanding dalam 31 kerusi Parlimen. Walaupun begitu Lim Chong Eu tidak termasuk dalamnya. Dalam perundingan dengan Tan Siew Sin dan Ong Yoke Lin, Tunku juga menerima cadangan Tan untuk meninggalkan Henry Lee dari barisan calon Perikatan.

Selepas itu, Lim Chong Eu telah meletakkan jawatannya atas alasan kesihatan dan perlu ke London untuk mendapatkan rawatan di sana. Maka secara terus, puak Tan Siew Sin sekali lagi berkuasa dalam MCA. Sementara itu, Ketua MCA Kelantan, Cheah Toon Lock dilantik menjadi Pemangku Presiden MCA (Cheah dilantik kerana beliau berhubung rapat dengan Tunku dan diharapkan hubungan antara MCA dengan Tunku dapat diperbaiki) sehingga tahun 1961.

BAB V

DILEMA MCA DAN KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang dibuat oleh penulis didapati MCA tidak pernah berhenti dari mengalami konflik dalam parti. Pemimpinnya selalu dicabar selepas memegang teraju pimpinan selama beberapa tahun ataupun lebih dari sepuluh tahun. Antaranya seperti Tan Cheng Lock (Presiden Pertama) dicabar oleh Lim Chong Eu pada 1959, 9 tahun setelah memegang jawatan No. 1 dalam parti. Walaupun demikian Lim Chong Eu sendiri pula tidak dapat mengekalkan jawatannya dan terpaksa meletakkan jawatan 18 tahun kemudian oleh kerana konflik antara beliau dengan pemimpin-pemimpin UMNO yang diikuti dengan penentangan dari puak Tan Siew Sin. Tan Siew Sin yang mengambilalih pucuk pimpinan MCA dalam tahun 1961 telah memindakan perlembagaan MCA untuk menambahkan kuasa Presiden serta mengukuhkan kedudukannya. Dengan itu, Ketua Negeri MCA tidak lagi dilantik oleh perwakilan dari negeri yang berkenaan tetapi dilantik oleh Presiden yang bermakna, semua negeri kini telah diletakkan di bawah kuasa Presiden dan pusat parti. Secara tidak langsung pemindaan ini telah mengelakkan pimpinan Tan Siew Sin dari dicabar oleh Lim Keng Yaik dan golongan "reformist" dalam pemilihan parti tahun 1973. Kuasa mutlak Presiden bukan saja membolehkan seseorang Presiden parti itu memecat sesiapaupun dalam parti sebaliknya juga menimbulkan ketidakpuasan di kalangan pemimpin dan ahli yang lain. Secara tidak langsung

ia telah membangkitkan Michael Chen untuk mencabar Lee San Choon pada pemilihan umum parti pada tahun 1979, kerana merasa dirinya telah dijauhkan dari pemimpin dan ahli parti yang lain akibat kuasa pentadbiran yang tertumpu pada Presiden. Begitu juga dengan kes Tan Koon Swan dengan habis-habisan untuk menghalang pengaruh dirinya dihapuskan oleh Neo dengan menggunakan kuasa Presiden. Jadi bolehlah dikatakan bahawa krisis-krisis MCA bukan hanya merupakan perebutan kuasa antara individu tetapi juga bersifat mencabar terhadap perlembagaan parti.

Sementara itu, MCA sebagai parti politik yang mewakili komuniti Cina dan merupakan parti dalam kerajaan yang menjaga kepentingan kaum Cina sejak pertubuhannya dalam tahun 1949 telah menghadapi berbagai cabaran dan dilema sejak tahun 1950an lagi. Selain daripada dicabar oleh parti pembangkang MCA juga mempunyai masalah dengan pertubuhan Cina atas isu-isu semasa serta dasar kerajaan dari dulu hingga sekarang.

Antara tahun 1949 hingga 1955 masyarakat Cina di negara ini tidak banyak mengambil bahagian, boleh dikatakan semua pihak mengaku kuasa pemimpin MCA dalam kerajaan. Kemudian disebabkan kedudukan MCA dalam Perikatan dan perundingan tentang perlembagaan merdeka, parti ini dikritik oleh banyak pihak dalam masyarakat Cina yang menyediakan peluang bagi golongan lain untuk berperanan dalam arena politik Cina. Dalam perundingan perlembagaan merdeka yang

bermula pada akhir tahun 1955 sehingga tercapainya kemerdekaan, MCA dikritik oleh kebanyakan pertubuhan Cina kerana tidak memenuhi permintaan masyarakat Cina dalam hal kedudukan bahasa Mandarin dan sebagainya. Ini telah menyebabkan wujudnya pertentangan antara MCA dengan pertubuhan Cina sehingga hari ini. Maka boleh dikatakan telah wujud dua badan yang bertanding untuk memimpin masyarakat Cina iaitu MCA dan pertubuhan Cina sejak pertengahan tahun 1950an lagi. Keadaan bertambah keliru apabila wujud berbagai parti pembangkang Cina seperti parti Buruh dan parti Rakyat yang bergabung dalam parti Socialist Front dan People's Progressive Party dalam tahun 50an dan 60an serta wujudnya DAP sejak tahun 60an yang merupakan musuh ketat MCA hingga kini.

Pada hakikatnya, MCA yang merupakan sebahagian dalam kerajaan walaupun diakui oleh semua pihak untuk menjaga kepentingan kaum Cina tetapi parti ini tidak boleh membangkitkan isu-isu yang sensitif yang mungkin menyebabkan konflik antara parti dalam kerajaan. Secara tidak langsung MCA kekurangan isu yang boleh dipermainkan seperti parti pembangkang untuk menarik perhatian komuniti Cina. Berbagai isu yang besar dan kecil seperti Universiti Merdeka. Kedudukan bahasa Mandarin serta pendidikan Cina, akta perniagaan sehingga Dasar Ekonomi Baru juga pernah dipergunakan oleh parti pembangkang untuk mengecam kelemahan MCA. Akibatnya MCA mengalami kekalahan dalam beberapa pilihanraya umum sejak 1959 yang menyebabkan MCA kekurangan kuasa untuk berunding dengan parti

komponen BN terutama UMNO. Mengikut Datuk Kee Yoong Wee (Ketua Pemuda MCA) masyarakat Cina tidak berterima kasih atas apa yang telah MCA lakukan untuk bangsa dan negara, sebaliknya mereka akan mengheboh-hebohkan kelemahan dan rasa tidak puas hati masing-masing terhadap MCA. Penduduk Cina di bandar terutamanya mereka yang tinggal di kawasan rumah haram akan datang ke MCA untuk mendapatkan rumah kos rendah, lesen penjaja, bantuan nasihat dan sebagainya, kata beliau lagi. Orang-orang seperti ini boleh berpatah arah dengan begitu cepat apabila permintaan mereka dipenuhi. Mereka bukan saja tidak mengenang budi tetapi akan membantu DAP untuk menjatuhkan calon-calon MCA. Maka, bagi Datuk Kee, MCA akan sentiasa berhadapan dengan satu kenyataan - usaha baik yang dilakukan dengan senyap tidak akan disanjung oleh masyarakat Cina kerana itu adalah tanggungjawab MCA. Sebaliknya DAP yang hanya menjerit dan mengkritik kerajaan khasnya MCA tanpa mendatangkan sebarang hasil dianggap sebagai pahlawan bangsa kerana taktik permainan emosi kaum Cina yang diamalkan oleh DAP selalu kelihatan sedap didengar bagi kumpulan tersebut.

Di samping DAP dan pertubuhan Cina, MCA juga dicabar oleh Gerakan yang telah berjaya merebut Pulau Pinang daripadanya pada tahun 1969. Gerakan walaupun berpandukan ideologi politik berbagai kaum tidak dapat lari dapat bertanding dengan MCA untuk merebut sokongan dari masyarakat Cina. Parti ini, di mana kebanyakan pemimpin merupakan bekas ahli MCA sentiasa tertunggu-tunggu untuk mengambilalih

tempat MCA di dalam kerajaan walaupun kedua-dua berada dalam satu barisan yang sama - BN.

Keadaan masyarakat Cina yang berpecah-belah ini menyebabkan MCA sering dijadikan "scape goat" dalam segala isu dan dasar kerajaan yang difikirkan tidak adil kepada komuniti tersebut. Seperti yang dikatakan oleh Encik Wang Choon Wing (Setiausaha Biro Organisasi Nasional MCA) - masyarakat Cina di samping menaruhkan harapan kepada MCA supaya ia jadi kuat demi menjaga kepentingan mereka juga bertanggungjawab dalam melemahkan kedudukan MCA dalam kerajaan. Contohnya, sebahagian besar daripada pengundi Cina telah memilih calon DAP dalam pilihanraya ke-8 walaupun mereka tahu parti pembangkang tidak dapat memainkan apa-apa peranan dalam dasar kerajaan. Selepas itu, kumpulan ini datang juga ke MCA untuk meminta pertolongan kerana dikecewakan oleh DAP. Jadi, bagi beliau, MCA akan tetap wujud di samping berbagai masalah dan cabaran dari semua pihak kerana parti ini sajalah yang benar-benar dapat membantu dan mempertahankan kepentingan masyarakat ini.

Sementara mengalami kelahan teruk dalam pilihanraya umum yang telah dijalankan pada tahun 1986, MCA telah ditimpa dengan berbagai masalah yang berturut-turut. Pertama Presiden barunya Encik Tan Koon Swan telah dijatuhkan hukuman penjara selama dua tahun oleh mahkamah Singapura atas kesalahan pecah amanah dalam kes Pan-Electric pada akhir tahun 1986. Dr. Ling Liong Sik telah

dipilih untuk mengambilalih jawatannya selepas itu sehingga hari ini. Selepas itu, MCA dilanda dengan isu koperatif KSM (kepunyaan MCA), Komuda dan sebagainya yang berkaitan dengan pemimpin-pemimpin MCA yang menyebabkan parti ini dikritik teruk oleh DAP. Masalah MCA bertambah rumit apabila Ketua Pemuda Datuk Kee dan Setiausaha Biro Organisasi Kebangsaan Wang didakwa oleh pihak polis kerana kesalahan pecah amanah yang secara tidak langsung membawakan keruntuhan kepada Koperatif Komuda pada awal bulan Februari 1987. Kini MCA bukan sahaja menghadapi masalah untuk meningkatkan imejnya dalam masyarakat Cina serta kerajaan setelah berlakunya kes-kes mahkamah terhadap beberapa pemimpinnya, ia juga sering didesak untuk menyelesaikan isu kawasan Parlimen Gopeng yang dimenangi oleh bekas Presidennya Encik Tan Koon Swan pada bulan Ogos tahun 1986. Jika Wang didapati bersalah nanti (kes beliau bersama Datuk Kee masih berjalan pada masa ini) jawatan Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pasti akan jadi rebutan di dalam MCA.

Jadi satu soalan yang ditanya-tanyakan oleh semua pihak (termasuk masyarakat Cina, parti pembangkang, pemerhati politik dan sebagainya) adakah MCA dapat meningkatkan imejnya serta memperkuat pertubuhannya setelah berbagai masalah yang dihadapi dalam masa lebih kurang 3 tahun ini? (1984 - 1987) Mungkin jawapannya terletak dalam tangan masyarakat Cina, pemimpin MCA serta pemilihan parti yang akan diadakan beberapa bulan lagi. Jadi sama-samalah kita menunggu keputusannya. Walau bagaimanapun, penulis setelah

mengetahui perjalanan yang pernah dilalui oleh parti ini, yakin MCA akan dapat menghidup kembali kejayaannya seperti dahulu dengan kerjasama dan semangat berjuang yang ada pada pemimpin, ahli-ahlinya serta masyarakat Cina keseluruhannya.

1. Berita Harian.
2. Cheah S.K., Pergerakan dalam Alam Pemikiran Politik Bangsa-bangsa, S.K. Cheah, 1984.
3. Constitution of the MCA - MCA 1986.
4. Gordon, P. News, Malaysian Politics, University of London Press Ltd.
5. Chong, Political Career of Datuk Lee San Guan, 1951.
6. Far Eastern Economic Review, 1985 - 1984.
7. Ho Kiu Chai, MCA Leadership Under Test, Ho Kiu Chai, 1984.
8. Harold Croagh, Lee Kam Wing, Michael Ong, Malaysian Politics and the 1978 Election, Oxford University Press, 1980.
9. K.J. Nathan & N.S. Nair, The Malayan Parliamentary Election of 1978, University of Malaya Press, Singapore, 1979.
10. Kelas Bimbingan Parti Ahli Baru MCA, MCA 1982.
11. Leo Zhang, The Struggle for the MCA, Pelandak Publications, 1984.
12. Malaysian Business, 1985 - 84. Malaysia - Sejarah dan Proses Perkembangan, Lorqnan.
13. Nam Hong Er, MCA 36 Tahun Dalam Pergolakan, Berita Awan Edn. Sdn., 1985.
14. Nanyang Siang Pau.

BIBLIOGRAFI

1. Berita Harian.
2. Cheah S.K., Perubahan Dalam Aliran Pemikiran Politik Bangsa Cina Di Malaysia, S.K. Cheah, 1984.
謝詩聖 - 馬來西亞華人政治思潮演變
3. Constitution of the MCA - MCA 1986.
4. Gordons, P. Means, Malaysian Politics, University of London Press Ltd.
5. Chong, Political Career of Datuk Lee San Choon, 1983.
李贊李三春的政治生涯
6. Far Eastern Economic Review, 1985 - 86.
7. Ho Kim Chai, MCA Leadership Undersiege, Ho Kim Chai, 1984.
8. Harold Crough, Lee Kam Hing & Michael Ong, Malaysian Politics and the 1978 Election, Oxford University Press, 1980.
9. K.J. Ratnam & R.S. Milne, The Malayan Parliamentary Election of 1964, University of Malaya Press, Singapore, 1967.
10. Kelas Bimbingan Bagi Ahli Baru MCA, MCA 1982.
入黨輔導班課程
11. Lao Zhong, The Struggle for the MCA, Pelanduk Publications, 1984.
12. Malaysian Business, 1985 - 86. Malaysia - Sejarah dan Proses Perkembangan, Longman.
13. Nang Gung Er, MCA 36 Tahun Dalam Pergolakan, Berita Awam Sdn. Bhd., 1985.
南宮二 - 馬華風雲卅六年
14. Nanyang Siang Pau.

15. National Echo.
16. Noor Azam, Perspektif 1969 - 1979, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980.
17. R.K. Vasil, The Malaysia General Election of 1969, Singapore and Kuala Lumpur Oxford University Press, 1972.
18. Shin Min Daily News.
19. Sin Chew Jit Poh.
20. Sin Ping Daily.
21. Straits Times.
22. Tan Siew Sin, Blueprint for Unity, MCA 1972.
23. Tan Tong Hye, The Prince and I, Sam Boyd Enterprise and Mini Media Pte, Singapore, 1979.
24. The MCA 20th Anniversary Souvenir - MCA 1969.
25. The Star.
26. Tung Pau.
27. Tunku Abdul Rahman, As A Matter of Interest, Haineman Educational Books (A) Ltd.
28. Tunku Abdul Rahman, Looking Back, Pustaka Antara, 1977.
29. Tunku Abdul Rahman, Political Awakening, Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd., 1986.